

كتاب الأدلة
SHOUTUL ARQAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BAHAYA SYIAH

Oleh:
Ustaz Ashaari Muhammad

صُوْتُ الْأَرْقَمِ
SHOUTUL ARQAM

بِهَيَا شَيْعَهْ

BAHAYA SYIAH

Oleh:
Ustaz Ashaari Muhammad



Penerbitan Shoutul Arqam

Ditaipset dan direkabentuk oleh:
Pusat Komputer Penerangan Al Arqam
Tel: 7 187820

Diterbitkan oleh:
Penerbitan Shoutul Arqam
Sungai Penchala,
Jalan Damansara,
60000 Kuala Lumpur.

Kulit:
Rosdin Sadin

CETAKAN PERTAMA April 1987
Harga: \$4.00


HAKCIPTA TERPELIHARA

Dicetak oleh:
Percetakan Sais Baru Sdn. Bhd.,
26, Persiaran Zaaba,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 7190714.

KANDUNGAN

Prakata	v
Mukadimah	xi
BAB 1 Iran Yang Saya Saksikan	1
BAB 2 Syiah Imamiah	9
BAB 3 Pandangan Syiah Imamiah Tentang Al Quran Dan Cara Mentakwilkan Al Quran	25
BAB 4 Pandangan Syiah Imamiah Terhadap Hadis Dibandingkan Dengan Pandangan Ahli Sunnah	45
BAB 5 Pandangan Syiah Imamiah Terhadap Sahabat Dan Khulafaur Rasyidin	57
BAB 6 Sayidina Ali Dan Para Imam Bukan Syiah	74
BAB 7 Nikah Mut'ah Dan Konsep Takiyah	105
BAB 8 Ayatullah Khomeini	114
BAB 9 Bahaya Revolusi Iran	122
BAB 10 Penutup	130

Penulis bersama ulama-ulama Syiah semasa persidangan ulama di Teheran tahun 1982.



PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَكْحَمَ اللَّهُ خَمْدَهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَغْوِذُ
بِاللَّهِ مِنْ شَرِقِهِ أَنفُسَنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مِنْ
يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مِظْلَلَ لَهُ وَمَنْ يَضْلِهُ فَلَا هَادِي لَهُ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آتِيهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبَعَهُ وَوَاللَّهُ .

KEJAYAAN revolusi Iran sebenarnya bukanlah kejayaan Islam, tetapi kejayaan satu puak Syiah yang agak praktikal, menumbangkan puak-puak Syiah lain yang dikatakan zalim dan menindas. Setelah beratus-ratus tahun Shah Iran menzalim dan menindas rakyat jelata, maka akhirnya seluruh rakyat bangun memberontak. Oleh sebab kepimpinan Khomeini agak menonjol, maka semua golongan

bersatu di bawah pimpinannya untuk menumbangkan Shah. Termasuklah golongan-golongan itu ialah orang-orang Ahli Sunnah Wal Jamaah (﴿-u\-\>U\u\-\)) dan juga Kominis, Sosialis dan Nasionalis. Apabila revolusi selesai dengan kejayaan di pihak mereka golongan revolucioner ini berpecah pada puak masing-masing. Terjadi perebutan di kalangan mereka malah berbunuh-bunuhan. Ada Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dibunuh dan dipenjara oleh orang-orang Khomeini. Perlombagaan yang dipakai di Iran sekarang adalah bermazhab Syiah Imamiah.

Jadi dengan kata-kata yang lain, kejayaan revolusi Iran ialah kejayaan Syiah. Syiah jauh bezanya dengan Ahli Sunnah. Malah salah satu musuh Syiah ialah orang-orang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam sejarah perjuangan Syiah, Ahli Sunnah adalah musuh ketatnya. Syiah jual nama Islam sebab itu mereka dapat bertapak kuat dan berpengaruh di Iran, Iraq, Pakistan dan India. Jadi kejayaan revolusi Iran bukanlah sesuatu yang membanggakan kita. Malah bagi orang yang mengenal Syiah, kejayaan revolusi dirasakan satu tampanan pada Ahli Sunnah. Revolusi itu kecil saja ertinya pada Islam dibanding kandengan besarnya kesilapan Syiah pada Islam.

Tapi aneh, ketika berita kejayaan Khomeini menumbangkan Shah sampai pada kita, umat Islam khususnya setengah pejuang-pejuang Islam di Malaysia berlompatan gembira. Perhatian diarahkan ke Iran. Semangat revolusi ditiup merata-rata dan Khomeini dipilih sebagai imam mereka. Hingga sekarang, sudah ada orang-orang Malaysia yang bermazhab Syiah atau paling tidak mengiktiraf kewujudan Syiah. Ada setengah ulama-ulama sendiri yang dulunya takut sekali kalau-kalau umat Islam terpesong dari aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah tapi kini sejak Khomeini tawan Iran, ulama yang sama berkata, “baru kita tahu rupanya Syiah

benar dan Ahli Sunnah Wal Jamaah salah.”

Setengah berkata perselisihan Syiah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah iktilaf furu'iah (فروعية) (bukan pokok) termasuk mazhab yang dibenarkan, seperti Hanafi, Shafie, Maliki, Hanbali. Dan mereka membaca hadis:

إِخْتِلَافُ أُمَّتِي، رَحْمَةٌ (رَوْاهُ الْبَیْهَقِی)

Ertinya:

“*Perselisihan umatku adalah rahmat.*”

Diriwayatkan oleh Baihaqi.

Kumpulan lain pula berkata, Syiah pegangan Khomeini adalah Syiah yang sederhana (bukan ekstrim). Ertinya boleh diterima. Semuanya menghala ke arah menyetujui dan mengiktiraf Syiah Imamiah pegangan mereka.

Al hasil segolongan pejuang-pejuang muda Islam dan sebahagian pensyarah, mahasiswa-mahasiswi di institut pengajian tinggi sekarang lepas seorang, seorang melompat ke Syiah, jadi penganut dan agen perjuangan Syiah, konon perjuangan Islam. Sudah ada markas Syiah di Wilayah Persekutuan, katanya lebih kurang 200 orang ahlinya. Mereka berjuang untuk meluaskan lagi gelanggang, mereka hantar pelajar-pelajar untuk belajar di Iran atau Pakistan. Tiga orang kenalan saya, pertama bekas ahli Arqam, kedua imarn masjid di salah sebuah masjid di Wilayah Persekutuan dan seorang lagi ahli salah satu harakah Islam, telah menghantar anak ke Iran (Qom).

Bar-u-baru ini semasa di Pakistan saya diberitahu terdapat

25 orang pelajar Malaysia sedang belajar di sana. (Sementara sebelum dihantar ke Qom) 15 darinya perempuan. Terbayanglah di kepala saya betapa nanti kalau mereka melakukan nikah mut'ah. Sebab bagi orang Syiah, nikah mut'ah bukan setakat untuk lepas nafsu, tapi adalah satu jihad dan tidak sempuma iman, kalau tidak kahwinmut'ah.

Saya yakin ramai lagi ulama di Malaysia yang tidak terima Syiah. Iniberdasarkanhadisyangturuntemurunkitabaca:-

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِهِ لَتَفْرِقُ أَمْيَّةَ عَلَى ثَلَاثَةِ
وَسَبْعِينَ فِرْقَةً فَوَاحِدَةً فِي الْجَنَّةِ وَثَنَانَ وَسَبْعَوْنَ
فِي النَّارِ: قَيْلَ مَنْ هُمْ يَأْرِسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ:
أَهْلُ السُّنْنَةِ وَالْجَمَاعَةِ . - رَوَاهُ طَبَرَانِي

Ertinya:

'Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad, akan berfirqah umatku sebanyak 73 jirqah, yang satu masuk syurga dan yang lain masuk neraka, Bertanya para sahabat, siapakah firqah yang tidak masuk neraka itu ya Rasulullah?' Nabi menjawab: "Ahli Sunnah Wal Jamaah."

Diriwayatkanoleh Imam Tabrani.

Orang Syiah kata mereka lahir puak yang dimaksudkan itu. Sebab itu mereka berjuang menyebarluaskan pengaruh dan ajaran mereka. Sedangkan kita Ahli Sunnah Wal Jamaah bungkam seribu bahasa. Kerana keadaan tertentu atau kerana hendak jaga hati golongan tertentu kita benarkan musuh kita

menyebar jala dan pukat untuk mengaut anak buah kita. Ini tidak patut, membiarkan Syiah masuk bererti membenarkan satu jurang lagi dibuat untuk memecah-belahkan umat Islam (khusus yang cinta pada Islam). Selain itu kemasukan Syiah memungkinkan pergaduhan dan perperangan. Sebab sejarah Syiah ialah mereka perangi siapa saja yang tidak sealiran dengan mereka apalagi kalau menentang mereka.

Bimbangkan itulah maka saya yang serba dhaif ini terutama di bidang ilmu pengetahuan, beranikan diri untuk mengeluarkan buku ini. Harapan saya sekadar untuk fahamkan umat Islam di Malaysia tentang (kelain-lainan) atas Syiah Imamiah pegangan Khomeini dibandingkan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mudah-mudahan dapat dibendung kemaraan pengaruh ajaran Syiah dan semangat revolusi Iran ke Malaysia ini.

Syukur pada Allah kerana memberi kekuatan dan keupayaan kepada saya untuk menulis buku ini. Ampuni hambamu ya Allah. Sekiranya tersalah atau tersilap, lebih-lebih lagi kalau ada rasa tidak ikhlas semasa menyiapkan buku ini. Moga-moga pahalanya disampaikan pada guru-guruku, kedua ibu bapaku, serta mereka yang pemah berjasa padaku. Jadilah hendaknya buku ini bermanfaat pada saya dan pembaca sekalian.

**Al hakir wal Fakir ilallah,
Ashaari Muhammad.**

menyampaikan bahwa dia yang mengajukan surat ini pada hari Selasa pagi di sebuah kota di selatan Thailand. Surat itu berisi tuntutan agar pemerintah Thailand memberikan pengakuan resmi atas kesalahan yang dilakukan terhadap orang-orang Muslim di Thailand. Surat itu juga menuntut agar Thailand memberikan perlindungan dan perlakuan yang adil bagi orang-orang Muslim di Thailand.



Penulis dan beberapa orang wakil dari Malaysia yang turut sama dalam persidangan ulama di Tehran tahun 1982.

MUQADIMAH

x

ZAMAN di mana umat Islam benar-benar berukhwah dan bersatu padu tanpa sedikit perpecahan hanyalah wujud di zaman Rasulullah S.A.W. Di waktu itu segala penjelasan dalam apa jua masalah baik berupa perkataan, perbuatan di bidang aqidah, ibadah atau perjuangan dan lain-lain adalah dirujuk langsung pada Rasulullah S.A.W. Baginda jadi ikutan dan tempat rujuk juga merupakan penyelesai apa jua masalah berbangkit di dalam masyarakat. Ini adalah kerana sifatnya sebagai Rasul menyampaikan wahyu dan pemimpin ummah lagi maksum (مَحْصُونٌ), makalayaklahuntukjadiikut yang terbaik.

Firman Allah:-

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَأُ حَسَنَةٍ[ۚ]

“Sesungguhnya kamu pada Rasulullah adalah ikut yang baik.”

Al Ahzab: 21.

Jadi tidak timbulah perpecahan dalam agama dan dalam memahami syariat. Lebih-lebih lagi tidak timbul puak-puak di kalangan umat Islam yang saling tuduh menuduh dan membawa perang.

Tapi Rasulullah S.A.W tahu bahawa sesudah kewafatan baginda umat Islam akan berpecah. Sebab itu Rasulullah S.A.W pun beri garis panduan terhadap kemungkinan itu. Sabdabaginda:

إختلاف أُمّتىٰ رحمة - رواه البهافى

Maksudnya:

‘*Perselisihan (ikhtilafi) umatku itu adalah rahmat.*’

Sabdabagindalagi:

من اجتهد فاهاهاب فله احران . ومن اجتهد
فما خطأ فله احرار واحد .

“Sesiapa yang benar ijtihadnya dapat 2 pahala dan sesiap yang salah ijtihadnya dapat 1 pahala.”

Tetapi di waktu yang lain baginda telah bersabda yang berbunyi:

والذى نفس خمد بيك لفرق أُمّتىٰ على ثلاث وسبعين
فرقة فواحدة في الجنة وثنان وسبعون في النار؛ قيل

من هم يأرسوْل الله؟
قال : اهـل السـنة و الجـمـاعـة

- رواه طبراني

Maksudnya:

'Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad, akan berfirqa' umatku sebanyak 73 firqa', yang satu masuksyurga dan yang 72 masukneraka.'

Bertanya para sahabat, "Siapakah firqa' yang tidak masuk neraka itu ya Rasulullah?" Rasulullah menjawab, "Ahlu sunnah Wal Jamaah."

Hadis diriwayat oleh Imam Thabranî.

Tetapi terjadi juga perselisihan yang tidak dibenarkan itu. Telah berpecah belah umat Islam sesudah wafatnya Rasulullah tentang perkara usul (أصول) atau aqidah. Dalam kitab Al Farqu Bainal Firaq (كتاب الفرق بين الفرق), oleh Imam Abdul Qahir bin Tahir bin Muhammad Al Baghdadi Al Isfaraini At Tamimi, menuliskan antara perkara-perkara yang diperselisihkan ialah soal keadilan (Tuhan), tauhid, wa'ad (ianji balas baik), wa'id (وعيد) janji balasan azab atau jahat). Qadar Istito'ah (قدر الاستطاعة) yakni mentakdirkan baik dan buruk, hidayah dan dholalah (حنالات) (sesat) atau masalah iradah atau rukyah (melihat Allah), walidraq (ولادك) (memperolehi) atau tentang sifat-sifat All&' Azza Wajalla dan nama-Nya atau tajuir (تحوير) (menentukan kefasikan) atau tentang kenabian dan syarat-syaratnya.

Hari ini sudah terdapat 73 mazhab (mengenai aqidah) di

kalangan umat Islam seluruh dunia. Tepat seperti yang disabdkan oleh Rasulullah S.A.W. Antara mazhab-mazhab itu ialah Qadariah, Khawarij, Muktazilah, Rawafidh (جهمية رفضي) > (Syiah), Najariah (نجارية), Jahmiah (جهمية), Musyabihah (مشابهة), Musamah (مسماة).

Proses perpecahan ini mengambil tempoh yang panjang dan peringkat yang berbagai-bagai. Bermula di zaman pemerintahan Sayidina Usman ibnu Affan di mana berlaku ketidak-setujuan sebahagian umat Islam pada khalifah kerana mdantik ahli keluarganya sahaja menjadi pegawai pentadbir. Sayidina Usman berbuat begitu kerana menurut ijihad beliau kalau pegawai-pegawai itu di kalangan keluarga, senang beliau bertindak kalau-kalau timbul masalah, samada untuk membuang atau berunding. Tetapi ini ditentang oleh orang Iraq hingga hal membawa kepada terbunuhnya Sayidina Usman.

Di zaman Sayidina Ali keadaan lagi tegang. Perselisihan antara khalifah dengan Sayidina Muawiyah membawa kepada berpecahnya umat Islam kcpada Syiah dan Khawrij (خوارج). Cuma waktu ini perpecahan adalah atas dasar politik bukan soal agama. Terjadinya Syiah Imamiah yang dipegang oleh Ayatollah Khomeini adalah ekoran dari perpecahan lebih 1000 tahun dulu. Sekalipun Syiah Imamiah dikatakan oleh orang adalah sederhana tapi dasamya tetap sama yakni menolak aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pandangan mereka tentang Al Quran, tentang hadis, tentang sahabat, Ahlul Bait dan tentang Sayidina ali dan keturunannya jauhbezanya dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perbezaan ini bukan sahaja dalam soal furu' (فرع) (cabang) tapi adalah juga dalam persoalan aqidah. syiah Imamiah mengubah susunan dan bilangan ayat Al Quran,

menolak sebahagian besar hadis, mengkufur dan melaknat sebahagian besar dari para sahabat dan seterusnya banyak berbohong tentang Sayidina Ali. Juga menyelewengkan penggunaan takiyah (النَّيْةَ) serta menghalalkan nikah mut'ah. Sebenarnya kesederhanaan Syiah Imamiah pegangan Khomeini dibandingkan dengan firqah lain bukanlah kerana mendekati Ahli Sunnah Wal Jamaah tapi hanyalah kerana tidak mentuhankan Sayidina Ali atau menabikannya. Selain itu Syiah ini masih melampau dan adalah terkeluar dari aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Yang agak dekat dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah hanyalah Syiah Zaidiah.

Dan bila aqidah sudah salah, maka kejayaan menumbangkan Shah Iran bukanlah sesuatu yang istimewa dalam pandangan Islam. Dan kita tentu tidak sampai menyerah jiwa raga menukar aqidah kepada Syiah hanya semata-mata kerana tumbangnya shah Iran.

1

IRAN YANG SAYA SAKSIKAN

KEJAYAAN Revolusi Iran bukanlah bererti kejayaan Islam. Dengan kata-kata lain, tegaknya kerajaan Syiah di Iran sekarang bukan bererti tegaknya hukum Allah. Dari segi aqidah, ibadah, ukhwah, akhlak, perhubungan dan lain-lain, mereka telah mengadakan sesuatu yang sangat bertentangan dengan Islam. baru saja dapat Iran, Khomeini telah isytihar perang dengan Iraq, yang sebahagian penduduknya orang Syiah. Bagaimana pejuang hukum Allah boleh bergaduh dengan saudara sendiri?

Katalah kerana Iraq berparti Ba'thi (بعثي) parti Sosialis. Tapi kenapa pada masa yang sama Iran herbaik dengan Syria yang juga parti Ba'thi (بعثي) yakni negara Sosialis. Semasa saya ke Syria hujung tahun 1985, saya menyaksikan beribu-ribu rakyat Iran berada di Syria. Rupa-rupanya setiap minggu Iran hantar 2000 rakyatnya untuk melawat Syria. Dua buah hotel di Damsyik (ibu negara Syria) disewa khas untuk orang-orang Iran. Rombongan saya pemah tersalah masuk ke hotel itu. Lantas dihalau keluar. Apakah dasar perhubungan antarabangsa yang Iran gunakan, hinggakan dalam satu masa dia boleh berbaik dan berperang dengan negara-negara yang sama Sosialis. Kalau dasar Islam, tentu bukan begitu

bentuknya a.

baru-baru ini tersiar pula dalam akhbar seluruh dunia berita Iran beli senjata dari Amerika. Lagilah jelas bahawa perjuangan Iran bukan untuk tegakkan hukum Allah tapi untuk tujuan politik mereka semata-mata.

Mereka sanggup bekerjasama dengan Yahudi atau Kristian (musuh Islam) demi kepentingan politik. Yakni untuk mempengaruhi negara-negara lain supaya tunduk pada kehendak dan ajaran mereka. Sebaik sahaja Iran jatuh ke tangan Khomeini, bertebaranlah rakyat Iran ke seluruh dunia untuk cari simpati dan pengaruh. Ke Darul Arqam saja, kami menerima delegasi selama lebih kurang dua tahun. Sebahagian dari menteri yang ada sekarang pemah ke Darul Arqam. Ketara sekali bahawa Khomeini mahu semangat revolusi Iran itu masuk dalam dada-dada umat Islam seluruhnya(khususnya di Darul Arqam).

Manakala ajaran Syiah Imamiah pula mahu mengambil tempat Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kemuncak dari usaha itu ialah menjemput saya ke Iran. Dengan niat ingin hendak melihat sendiri dari dekat saya dan rombongan berlepas ke Iran pada 24 Disember 1982. Bersama saya ialah 10 orang lain dari Malaysia. Maka bertemu lah saya dengan bermacam-macam keganjilan yang dibuat oleh Syiah terhadap Islam. Di antara yang saya maksudkan ialah:-

1. Tentang ibadah sembahyang.

Imam sembahyang mereka, sembahyang di depan tapi berada dalam satu lubang separas lutut (tempat yang lebih rendah dari maknum). Di Qom pun sama.

2. Mereka sujud di atas seketul batu yang bulat leper atau

empat segi. Ertinya dahi dan hidung tidak kena lantai. Batu itu disediakan dalam masjid atau mereka bawa sendiri ke mana mereka pergi. Batu yang paling suci pada mereka ialah diambil di Karbala kemudian Masyad dan di Qom. Kalau tidak dapat juga boleh gunakan batu-batu di tempat lain. Kalau tidak ada batu, mereka akan gunakan apa-apa yang tumbuh dari bumi sebagai tempat sujud (letak dahi). Paling tidak, sujud atas tapak tangan. Tujuan mereka buat begitu keranakan mereka kamanusia jadi daripada tanah.

3. Bila selesai baca tahiyyat akhir mereka akan tepuk kedua-dua peha tiga kali dengan kedua-dua tangan. Walhal ikut mazhab kita menggerakkan anggota tiga kali berturut-turut akan membatalkan sembahyang. Setengah mereka ada memberi salam sambil berpaling ke kanan tapi setengahnya tidak. Mungkin pada mereka itu sunat saja.

4. Azan pun berbeza. Selepas mengucapkan Asyhadu Anna Muhammadur Rasulullah (أشهدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ) ditambah kalimah: Wa Anna Aliyyan Wali Yullah (وَإِنَّ عَلَيْنَا وَلِيُّ اللَّهِ). Dan selepas mengucapkan Haiyya ‘Ala1 fallah حَىٰ عَلَى الْفَلَاحِ) ditambahkan lagi dengan ‘Haiyya AlaKhairil ‘Amal” حَىٰ عَلَى خَيْرِ الْعَمَلِ).

5. Wuduk mereka tidak payah basuh kaki. Cukup disapu saja dengan air.

6. Syarat untuk sembahyang Jumaat di satu tempat ialah tidak boleh buat dua Jumaat kecuali sudah sampai kawasan dua marhalah. Kalau di bandar Tehran maknanya semua penduduk bertumpu ke satu masjid saja. Jadi beratus-ratus ribu oranglah sembahyang di satu masjid. Khutbahnya panjang tidak kurang dari satu jam. Gambar Khomeini dan timbalannya besar-besaran diletakkan di kiri dan kanan masjid.

Seelok-elok saja selesai sembahyang Jumaat, mereka jamak dan qasarkan asar ke zuhur.

7. Waktu sembahyang Jumaat ada seorang tukang seru berdiri di depan imam. Bila imam rukuk (رُكُوعٌ) dia pun seru kuat-kuat: “Rukuk (رُكُوعٌ)”. Kalau berdiri dia seru: “Qiyam! (قِيَامٌ)”. Dan seterusnya dia sendiri tidak sembahyang Jumaat sampailahke akhir.

8. Di mana-mana juga samada di jalan, dalam bas, di rumah, suasana begitu tegang. Barangkali kerana semangat revolusi masih meluap. Tempikan dan sorakan mudah meletup. Selalunya kalau ada yang menyebut Rasulullah, nanti yang lain menyahut dengan solawat (صلوات) untuk Rasulullah satu kali. Tapi kalau tersebut Khomeini maka bergemalah solawat (صلوات) sebanyak tiga kali.

9. Setiap pagi hari Jumaat tanah perkuburan penuh dengan beribu-ribu orang, termasuk ulama. Jadi macam pesta. Tanah perkuburan meriah dengan doa, syarah dan majlis makan. Di Syria, maqam-maqam Ahlil Bait (أهل البيت) diziarahi oleh rakyat Iran sambil memukul-mukul badan ke maqam, meratap-ratap dan mengongoi menangis. Perempuan ramai buat begitu. Lelakinya tolong melagukan lagi supaya lebih kuat dan lebih lama tangisan itu. Bising tanah perkuburan dengan suara-suara ratapan itu. Berbeza sungguh cara orang Iran dengan kita. Tiap-tiap kubur di Iran diletakkan bendera-bendera dan gambar-gambar si mati. Setengahnya pula gambar Sayidina Ali dan gambar ImamMahdi.

10. Tentang Imam Mahdi, orang Iran percaya Mohammad bin Al Askari, Imam mereka yang ke 12, yang ghaib waktu kecil (belum baligh) akan datang lagi untuk jadi Imam Mahdi. Mereka menunggu-nunggu kedatangannya dengan ghairah

sekali. Sebab itu di dinding-dinding bangunan, di tembok dan di kubur-kubur ada ditampalkan gambar “Imam Mahdi” sedang tidur.

Kita Ahli Sunnah Wal Jamaah percaya juga akan kedatangan Imam Mahdi. Tapi namanya bukan Mohammad bin Hassan Al Askari tapi Muhammad bin Abdullah. Dan kita tidaklah sampai ke tahap melukiskan gambar. Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah khilaf dalam menentukan siapa Imam Mahdi. Tapi tidaklah sampai meletakkan gambar.

11. Hotel tempat kami peserta-peserta muktamar adalah asalnya kepunyaan Raja Muda. Tapi jurukemas hotel ialah perempuan-perempuan. Bagaimana sebuah negara Islam membenarkan perempuan masuk kawasan lelaki dalam keadaan tidak lengkap penutupan auratnya? Semasa muktamar di tingkat bawahnya ada disediakan hoggah (sejenis hisapan, dihisap) yang boleh ketagih (seperti rokok). Para pejuangan Islam hisap hoggah?

12. Di Iran, jubah, serban hanya dipakai oleh ulama dan pelajar agama, yang bukan ulama pakai macam biasa; berseluar ketat dan kepala gondol. Walhal jubah serban ialah pakaian Rasulullah dan layak dipakai oleh sesiapa juga umatnya.

13. Saya bertemu ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam muktamar tersebut. Mereka dari Baluchistan. Diam saja, tidak berperanan apa-apa. Nampak macam ketakutan. Mungkin dipaksa datang, tujuan hendak nampakkan persatuan Syiah dan Sunni. Dari mulut mereka saya dapat tahu ramai di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ditangkap (dijail) oleh Khomeini. Salah seorang yang tertangkap ialah bertaraf mujtahid. Setiap kali delegasi ke Sungai Penchala (Darul

Arqam) ada seorang Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam rombongan mereka. Tapi diam saja, tidak ada peranan apa-apa. Akhirnya bar-u saya tahu rupanya itulah satu cara orang Iran hendak yakinkan dunia bahawa mereka bukan perjuangkan Syiah atau Sunnah tapi perjuangkan Jumhuriah Islamiah selari dengan laungan:

لَا شِيعَةَ وَلَا سُنْنَةَ جُمُهُورِيَّةٌ إِسْلَامِيَّةٌ

“Tiada Syiah. Tiada Sunni, tapi JumhuriahIslamiah.”

yang dilaungkan di mana-mana di Iran. Maka mereka jemput Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sudah dibelenggu (untuk program mereka). Mereka “brain wash” siapa juga untuk jadi macam mereka.

14. Hampir tiap-tiap malam dan tengah malam kami diganggu oleh ketukan di pintu. Kemudian masuk seorang bertanyakan apa pandangan tentang revolusi atau komen tentang Khomeini atau komen tentang Iran. Hingga kami tidak rehat-rehat. Demikian gopohnya mereka meminta kami jadi seperti mereka. Padahal cara memaksa-maksa begitu bukan kaedah terbaik untuk menawan fikiran dan perasaan manusia.

15. Setiap hari 10 Rejab, di Iran khususnya di Karbala orang-orang Syiah buat perayaan memukul diri, meratap-ratap dan menangis-nangis dengan suara tinggi menyesali kematian Sayidina Hussin. Jelas sekali Rasulullah melarang meratapi **mayat**. Tapi Khomeini tidak pemah tegur anak buahnya yang buat begitu. Kalau benar perjuangkan makruf dan mencegah kemungkar, kenapa maksiat sebesar itu didiamkan saja.


Menyaksikan dan mendengar 15 perkara di atas, saya rasa muktamadlah sudah yang orang Syiah bukan pejuang kebenaran. Sebaliknya mereka telah mempermain-mainkan Al Quran dan Sunnah. Perjuangan mereka sebenarnya perjuangan politik. Bukan untuk Allah dan Rasul tapi untuk kepentingan mereka saja.

Sebab itu saya mahu segera balik ke Malaysia. Setelah 11 hari di sana, walaupun tempoh program di Iran belum selesai. Perjuangan rakyat Iran sebenarnya perjuangan politik mereka. Bukan perjuangan fisabilillah (فِي سَبِيلِ اللّٰهِ) yang bertujuan menegakkan hukum-hakam Allah. Dan tidak ada sangkut paut antara darul Arqam dengan perjuangan bentuk ini. Jadi buat apa saya korbankan masa dan tenaga untuk mereka? Sejak itu hingga kini tiada lagi delegasi mereka berkunjungke Darul Arqam.

2.
SYIAH IMAMIAH

DALAM Kitab Maqalatul Islamiyyin (مقالات الانبیاء) muka surat 5, Imam Abu Hassan Ashaari mengatakan Syiah ialah kumpulan yang taksub dengan Sayidina Ali. Mereka mengutamakan Sayidina Ali atas segala sahabat. Kemudian dalam Kitab Muqadimah Ibnu Khaldun (مقدمة ابن خلدون) muka surat 134, dikatakan Syiah ertinya pada loghah (لغة) ialah sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut. Manakala pada istilah Fuqaha' (فقهاء) dan Mutakalimin (متكلمين) (orang kemudian dan orang dahulu) ialah pengikut-pengikut Sayidina Ali dan anaknya radhiyallahu anhum (رضي الله عنهم). Mazhab mereka sepakat mengatakan bahawa Imamah (kepimpinan) itu bukan dari kemaslahatan umum yang boleh diserahkan pada pandangan ummah. Pemimpinlah yang menentukan jawatan kepimpinan iaitu imam berikutnya dan kepimpinan itu rukun agama dan tiang Islam. Dan tidak hat-us bagi Nabi melupakannya dan tidak boleh serah pada umat. Wajib mengatakan imam mereka adalah maasum (معصوم) dari dosa kecil dan besar. Dan sesungguhnya Sayidina Ali k.w (كم الله وحده), telah ditentukan oleh Rasulullah (kepimpinannya) dengan nas-nas.

Demikianlah pendirian atau pegangan umum orang-orang



Beberapa orang ulama Syiah berbincang dengan penulis ketika melawat Iran tahun 1982.

Syiah. Mereka mengatakan pengganti Rasulullah untuk memimpin umat Islam hanyalah layak bagi Sayidina Ali dan keturunannya sahaja. Walhal apa yang sebenarnya berlaku ialah sepakat (ijmak) sahabat melantik Sayidina Abu Bakar As Siddiq menjadi khalifah pertama sesudah Rasulullah S.A.W. Sayidina Ali k.w sendiri tidak menimbulkan apa-apa keributan dalam kepimpinan ini. Beliau yang mula meredahkan kepimpinan ketiga-tiga Amirul Mukminin yang sebelum beliau. Ini nyata dari ucapan beliau yang tertulis dalam kitab Mukhtasar At Tuqhah Al Isna' Asyariah (ختصر الحفة الائتاعشريه) oleh Ad Dahlawi. "Bai'ah (بايعه) kamu sekarang ini ialah di atas Kitabullah dan Sunnah Rasul termasuk juga Sunnah Abu Bakar dan Umar."

Dalam setengah kitab lain dinamakan Syiah Imamiah ialah kerana mereka meyakini bahawa Muhammad bin Hassan Al Askari, sebagai Imam ke 12, yang ghaib semasa belum baligh lagi itu berselisih pendapat (ada kata 4 tahun, ada kata 8 tahun) akan muncul kembali sebagai Imam Mahdi. Dipanggil juga Syiah Imamiah ini sebagai Syiah Isna' Asyariah kerana golongan ini mengiktihadkan bahawa imam (pemimpin) mereka hanya 12 orang sahaja. Bermula dengan Sayidina Ali diikuti oleh anak cucunya hingga diakhiri oleh Muhammad bin Hassan Al Askari (yakni Imam Mahdi).

Syiah Imamiah digelar sebagai Raafidhah (رافضة) (enggan dan degil) kerana keengganan mereka untuk menolong imam mereka dan tidak ikut ke medan perang. Dalam kitab ASY Syiah Wat Tasyaiyyu' (الشيعة والتشييع) dikatakan Rawaafidh (Raafidhah atau degil) kerana keengganan puak ini menerima Zaid bin Ali bin Hussin kerana beliau itu telah memuji Sayidina Abu Bakar As Siddiq dan Sayidina Umar Ibnu Khattab. Juga kerana enggan mengiktiraf 3 orang Khulafaur Rasyidin

(yakni yang selain SayidinaAli k.w).

Dalam Kitab Muqaddimah Ibnu Khaldun (مقدمة ابن خلدون) muka surat 134 dan 135 dituliskan:-

Perselisihan dalam soal inilah berpecah lagi Syiah Imamiah kepada Syiah Zaidiah. Sebab ada di kalangan mereka itu pengikut Zaid bin Ali bin Hussin yang tidak berlepas diri (yakni mengiktiraf) Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar. Cuma puak ini menganggap keutamaan ialah tetap pada Sayidina Ah, tetapi mereka membolehkan diutamakan kepimpinan pada orang yang kurang keutamaan mereka dari Sayidina Ali (iaitu Sayidina AbuBakar dan SayidinaUmar).

Terkenal juga Syiah Imamiah ini dengan nama Jaafariah. Ini adalah kerana mazhab pegangan dan amalan mereka dalam masalah halal dan haram (furu‘iah) ialah mazhab Imam Jaafar bin Muhammad As Sodik. Memandang pada namanya sahaja, kita sudah boleh nampak palsunya ajaran Syiah Imamiah yang dipegang oleh Khomeini. Menganggap Imam Mahdi bernama Muhammad bin Hassan adalah bertentangan dengan keyakinan kita Muhammad bin Abdullah. Memang terjadi khilaf antara ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sendiri tentang siapa Mahdi, tetapi mereka sepakat bahawa namanya Muhammad bin Abdullah, bukannya Muhammad bin Hassan.

Kemudian Syiah Imamiah beriktiqad pemimpin ummah sesudah Rasulullah hinggalah ke Imam Mahdi hanya 12 orang yakni semuanya keturunan dari Sayidina Ali. Walhal secara realitinya begitu ramai pemimpin atau pemerintah Islam yang memerintah negara-negara Islam serta umat Islam dari dulu hinggalah sekarang. Apa orang Syiah muhu mengenepikan semua kepimpinan yang wujud itu? Apa

alasan mengatakan pemimpin-pemimpin selain 12 orang itu tidak layak memimpin?

Syiah Imamiah juga menolak kekhalifahan Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Usman. Ini sangat bertentangan dengan apa yang sebenarnya berlaku. Ribuan sahabat mengiktiraf mereka, begitu juga seluruh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kenapa orang Syiah muhukar-kacirkan kewujudan dan realiti ini. Nampak sangat puak ini mencari pecah belah dan pergaduhan di kalangan umat Islam. Lagipun Syiah hanya wujud di zaman akhir Sayidina Ali k.w, iaitu pada tahun 37 Hijrah. Bukannya zaman Rasulullah S.A.W masih ada. Ertinya Syiah wujud sesudah wafat Rasulullah dan khalifah yang tiga. Kalau begitu Syiah bukan merupakan puak atau ajaran yang seperti apa yang diperjuangkan oleh Rasulullah dan Khulafaur Rasyidin (خلفاء الرشدين). Malah ia termasuk dalam golongan yang terpisah dari ajaran asal yakni Ahli Sunnah Wal Jamaah. Yakni salah satu dari 72 puak yang disabdarkan oleh Rasulullah S.A.W.

وَالَّذِي نَفْسُهُ مُحَمَّدٌ بِلَهُ لِتَرْقُقَ الْمُتَّقِى عَلَىٰ ثَلَاثَةِ
وَسِعِينَ فِرْقَةٍ فَوْاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَثَنَانٌ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ:
قِيلَ مِنْهُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: أَهْلُ السَّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ
رَوَاهُ طَهْرَانِي

Ertinya:

'Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad, akan berfirqa umatku sebanyak 73 firqa; yang satu masuksyurga dan yang lain masuk neraka.'

Bertanya para sahabat, "Siapakah firqa yang

tidakmasukneraka ituya Rasulullah?”
Rasulullah menjawab, ‘Ahli Sunnah Wal Jamaah.’

Diriwayatkanoleh Imam Thabarani.

Selain dari perkara-perkara di atas, terdapat banyak lagi iktiqad Syiah yang jauh bertentangan dengan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antaranyaialah:

Dipetik dari Kitab Mukhtasar At Tuhfah Al Isna' Asyariah (خنزير الحفنة الائتلاف عشرية) oleh Ad Dahlawi:-

1. Syiah Imamiah mengiktiqadkan bahawa mengutus para Nabi adalah wajib atas Allah Taala. Walhal bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah, mengutuskan para Nabi adalah harus bagi Allah dan itu juga termasuk satu kurnia dan rahmat-Nya pada kita.
2. Syiah Imamiah mengiktiqadkan bahawa sepanjang zaman tidak sunyi dari kenabian atau wasi (الواحى) yakni orang yang berdiri pada tempat Nabi. Ini juga bertentangan dengan Al Quran yang mana banyak ayat-ayat menunjukkan adanya zaman fitrah atau zaman yang sunyi dari kenabian. Firman Allah:

وَمَا كَنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ بَعَثْ رَسُولًا

Ertinya:

“Tidak Kami mengaza b hinggalah Kami mengutuskan Rasul.”

Al Israk: 15.

Lagipun dalam sejarah kita sendiri saksikan bahawa ada zaman-zaman di dalamnya tidak ada Nabi. Contohnya, antara Nabi Isa A.S dengan Nabi Muhammad, sekian lama tidak ada Nabi.

3. Syiah Imamiah mengiktiqadkan harus para Nabi melakukan pembohongan atau dusta. Bahkan kata mereka adakalanya wajib bagi Nabi melakukan takiyah (helah). Ini pun jauh bertentangdengan fir-man Allah:

i.

لِتُبَيَّنَ لِلنَّاسِ مَا أُنزَلَ إِلَيْهِمْ

Ertinya:

“Agar engkau jelaskan kepada manusia apa yang diturunkan kepada mereka.”

Surah An Nahli: 44.

ii.

يَأَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزَلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ

Ertinya:

“hai Rasulullah! Sampaikanlah kepada umat apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu.”

Surah Al Maidah: 67.

Demikian jaminan Al Quran bahawa Rasul tidak berbohong atau menipu. Kalaukah para Rasul menipu, rosaklah hukum-hukum Allah, tidak betullah undang-undang yang diperintahkan selama ini. Lagipun kalau para Nabi boleh menipu perlu apa dibiarkan orang kafir memerangi mereka

siang dan malam hingga berbunuh-bunuhan. Itu bukti bahawa Rasul-Rasul tegas memperkatakan kebenaran samada orang setuju atau tidak.

4. Syiah Imamiah beriktiqad bahawa mereka para Nabi asalnya tidak mengetahui usul aqidah. Pengetahuan itu baru didapati ketika mereka dilantik menjadi Nabi yakni ketika munajat atau berkata-kata dengan Allah S.W.T.

Moga-moga kita diselamatkan dari iktiqad demikian kerana sebenarnya Nabi-Nabi itu tidak pemah jahil tentang usul aqidah walaupun sebelum kenabian, kerana kalau jahil tentang itu boleh bawa kekufturan.

5. Syiah Imamiah beriktiqad setengah daripada Rasul yang bergelar Ulul Azmi (أُولُو الْعِزَمْ) pemah meminta keuzuran dari Allah S.W.T untuk tidak menyampaikan risalah. Masing-masing menyatakan sebab-sebab keuzuran masing-masing, yang mana berbeza antara satu sama lain. Contoh Nabi Musa enggan menyatakan tentang akan datangnya Nabi Muhammad kerana bimbangkan umatnya tidak percaya.

Ini adalah satu pembohongan terhadap Ulul Azmi (أُولُو الْعِزَمْ). Mereka itu yang kita kenal ialah orang-orang yang sangat amanah dan sangat menyampaikan risalah Allah. Dan sangat sabar menanggung kesusahan dari perjuangan mereka. Fir-man Allah:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزَمِ مِنَ الرُّسُلِ

Ertinya:

“maka sabarlah engkau (tahanlah dalam

6. ‘Syiah Imamiah mengiktiqadkan bahawa ketuanya (amir) diberi wahyu. Cuma bezanya wahyu Nabi dengan wahyu amir ialah Nabi nampak malaikat yang menghantar wahyu tapi amir dengan suara saja. Iktiqad ini bertentangan dengan sabda Rasulullah:-

أَخْرَجَ الْبَحْرَانِيُّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
إِنَّ الْأَنْسَى إِذَا لَمْ يَبْقَ بَعْدَهُ مِنَ النَّبِيِّ إِلَّا مُبَشِّرٌ :
فَالْوَرَوْدُ وَمَا الْمُبَشِّرَاتُ ? قَالَ ”الرُّوْبَى“ الصَّالِحةَ ”

أَخْرَجَ مُسْلِمُ عَنْ أَبْنَى عَبَّاسِ
وَأَخْرَجَ النَّسَائِيُّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ .
وَرَى أَحْمَدَ بِأَسْنَادٍ هُمْ كُلُّهُمْ عَنْ عَائِشَةَ
وَرَى أَحْمَدَ الطَّيْرَانِيُّ عَنْ أَبِي الظَّفِيرَلِ
وَرَى أَحْمَدَ وَابْنَ مَاجِهَ عَنْ أُمِّ كَرْزَ

Ertinya:

‘Dikeluarkan oleh Imam Bukhari dari Abi Hurairah r.a ia berkata, aku mendengar Rasulullah S.A. W bersabda, “Wahai manusia sesungguhnya tidak kekal selepasku daripada kenabian melainkan mubasyarat. Sahabat bertanya, “Apakah muba-syarat itu?” Rasulullah bersabda, “Itulah mimpi yang benar.”

7. Syiah Imamiah mengiktiqadkan hams hukum-hukum syarak itu dimansuhkanoleh Imam.

8. Ada satu puak daripada Imamiah mengakui Sayidatina Fatimah penghulu perempuan itu pemah menerima wahyu selepas Rasulullah S.A.W. Sesungguhnya wahyu itu dikumpulkan menjadimushaf Fatimah.

عَدْهُ مِنْ أَصْحَابِنَا : عَنْ أَحْمَدَ بْنِ حَمْدٍ عَنْ عَمْرِ بْنِ عَيْبِ الرَّعِيزِ ،
عَنْ حَمَادَ بْنِ عَمَانَ قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا عِبْرَةَ اللَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَقُولُ :
الرَّزْنَادَةُ فِي سَنَةِ ثَمَانِ وَعَشْرِينَ وَمَا تَهُوَ وَذَلِكَ أَنِّي رَفَثَتْ فِي
مَصْحَنِ فَاطِمَةَ (ع) قَالَ : فَالْمَسْأَلَةُ مَاهِيَّةٌ فَاضْطَرَبَ ؟ قَالَ إِنَّ اللَّهَ

تعالى لا يفوتني نبيه صلى الله عليه وسلم دخل على فاطمة (ع)،
 من وفاته من الحزن مالا يعلم ولا الله عز وجل فارسل الله
 إلى ملكا بسلي غتها وحدتها، فشككت ذلك إلى أمير المؤمنين
 عليه السلام فقال: اذا احسست بذلك وسمعت الصوت
 قولي لي ، فاعلمته بذلك فجعل أمير المؤمنين عليه السلام
 يكتب كلاما سمع حتى انت من ذلك صحفا قال: ثم قال: اما
 انه ليس فيه شيء من الحلال والحرام ولكن في علم ما تكون

Ertinya:

'Beberapa orang dari sahabat kami daripada Ahmad bin Muhammad, daripada Umar bin Abdul Aziz daripada Hammad bin Usman dia pernah berkata, 'Aku pernah mendengar Abi Abdillah as telah berkata akan lahir orang-orang zindiq pada tahun 128 hijrah yang demikian itu aku lihat dalam mushaf Fatimah a.s. (Quran Fatimah). Dia telah berkata, "Aku bertanya, apakah itu mushaf Fatimah?" Dia berka ta, "Sesungguhnya Allah Taala tatkala mewafatkan Nabi S.A.W telah masuklah ke atas Fatimah selepas wafatnya dukacita. Tidak ada yang mengetahuinya melainkan Allah Azza Wajalla. Maka Allah telah mengutuskan padanya malaikat untuk menghiburkan dukacitanya dan bercakap kepadanya, maka dia pun mengadu hal yang demikian itu


pada Amirul Mukminin a.s. Maka ia lantas berkata, “Apabila kamu merasai hal yang demikian itu dan kamu mendengar suara, engkau katakan padaku, maka dia pun memberitahu kepadanya yang demikian itu. Maka Amirul Mukminin a.s pun menulis maka jadilah tatkala telah mendengar hingga dia telah menetapkan yang demikian itu mushaf (Al Quran). Kemudian dia telah berkata, “Sesungguhnya tidak ada padanya tentang halal dun haram, tetapi di dalamnya mengandungi ilmu yang akan datang.”

Usulul Kafi muka surat 187 jilid 1.

Menganggap ada wahyu sesudah wafat baginda Rasulullah bererti mengatakan masih ada lagi orang selepas baginda yang boleh dapat wahyu. Ini sangat bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan boleh bawa mm-tad.

9. Setengah daripada Imam Syiah Imamiah ada yang berkata, pimpinan mereka bersekutu dalam mikraj (مَعْرُجٌ); ertinya turut mikraj sama-sama Rasulullah. Tapi ada yang kata tidak ikut naik cuma turut menyaksikan dari bawah. Ini sangat dahsyat. Israk dan Mikraj adalah mukjizat besar yang dikurniakan pada Nabi seorang. Mana ada manusia lain boleh bersekutu dengannya? Kemudian menganggap ada orang boleh menyaksikan apa yang di langit tanpa naik mikraj, ini bermakna orang itu ada kebolehan luar biasa yang tidak ada pada Nabi sendiri. Ini mustahil dan inilah satu lagi pembohonganbesar yang dibuat oleh Syiah.

11. Dari kitab” Khomeini Wa Taf Dhilul A Immah (الخطبى و تفضيل الأئمة) muka surat 19: Sesungguhnya yunus a.s mengingkari kepimpinan itu maka Allah mengurungkannya dalam perut ikan hinggalah dia mengakuinya.



Suasana sembahyang Jumaat di padang perkarian Universiti Tehran. Anak panah menunjukkan imam di dalam lubang. Kejihan juga para pengawal revolusi duduk di atas palang besi sedangkan mereka tidak sembahyang.

ialah di tangan orang-orang yang jauh bezanya aqidah mereka dengan kita, apa kita sayangkan untuk tidak lagi jatuh hati pada mereka? Anak-anak yang sudah dihantar ke sekolah Syiah di Pakistan atau Iran, nanti balik mungkin akan menyesatkan ibu bapanya atau akan menghalalkan nikah mut'ah. Dan jadi musuh besar pada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini adalah satu kemungkinan yang besar bahayanya pada Malaysia.

3

PANDANGAN SYIAH IMAMIAH TENTANG ALQURANDAN MENTAKWILKAN AL QURAN

AL QURAN adalah sumber hukum yang terpenting bagi Syiah Imamiah. Samalah seperti kita Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tapi pandangan Syiah pada Al Quran jauh bezanya dari kita Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dari kitab Usulul Kafi oleh Al Kullini halaman 57 cetakan tahun 1278 di Iran di halaman 238 cetakan tahun 1381 nas itu ialah :-

بعن أبي بھر قال ، دخلت على أبي عبد الله .. إلى
أن قال أبو عبد الله (أبي بھر الصادق) وإن عذرنا
لصحي فاطمة على السلام قال ، قلت وما
صحي فاطمة؟ قال : صحي فيه مثل قول أنكم هذا
نالات مرأت والله ما فيه من قول أنكم حرف واحد .

Ertinya:

d r i Abi Basir beliau telah berkata; saya telah datang mengadap Abi Abdillah sehingga Abu Abdullah (Imam Jaafar As Sodiq) pun berkata dan sesungguhnya kita ada mempunyai mushaf (مصحف) Al Quran Sayidatina Fatimah a.s. Maka Abi Basir pun bertanya, ‘Bagaimana bentuk mushaf Sayidatina Fatimah itu? Maka Abu Abdullah (Jaafar As Sodik) pun menjawab: Ia adalah sebuah mushaf yang tiga kali ganda besarnya dari Al Quran yang ada di dalam tangan kamu sekalian. Dan demi Allah di dalam mushaf (مصحف) Sayidatina Fatimah itu tiada satu huruf atau perkataan pun yang serupa dengan Al Quran kamu sekalian.’

Di muka surat 54 Usulul Kafi oleh Al Kulini cetakan tahun 1278 di Iran dan muka surat 228 cetakan tahun 1381 hijriah nasnya begini:-

عَنْ جَابِرِ الْجُعْفِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا جَعْفَرٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ
يَقُولُ: مَا أَدْعُ إِنْهَا مِنَ النَّاسِ أَنَّهُ جَمِيعُ الْفَرَّاتَ
كُلُّهُ كَمَا أَنْزَلَ إِلَّا نَذَابٌ وَمَا جَمِيعُهُ وَمَا فِيهِ كَمَا أَنْزَلَهُ إِلَّا

علي بن أبي طالب والارتفاع من بعده

Ertinya:

dari Jaabir Al Ja'afi beliau berkata; saya telah mendengar Abu Jaafar a.s berkata tiada seorang manusia yang mendakwa bahawa dia telah mengumpulkan Al Quran seluruhnya seperti ia telah diturunkan oleh Allah S.W.T melainkan dia adalah pendusta. Sebab tiada seorang pun yang dapat mengumpulkan Al Quran itu dan juga menghafalkannya seperimana ia telah diturunkan melainkan Sayidina Ali bin Abi Thalib dan imam selepasnya.”

Al Quran pada pandangan Syiah Imamiah bukannya mushaf (مصحف) Usman yang dipakai di seluruh dunia Islam sejak 1300 tahun dahulu. Pada mereka Al Quran itu tidak sah dipegang dengannya. Susunannya juga tidak sah. Sebab kata mereka Al Quran itu dibawakan dan disusun oleh golongan munafik. (Sahabat-sahabat besar dikatakan munafik). Dan kononnya lagi para sahabat telah mengada-ngadakan dalam agama sebab mereka adalah golongan gila harta dunia, fasad (فسد) dan murtad. Kita berlindung dengan Allah daripada menyangka demikian kepada sahabat-sahabat yang mulia itu.

Sumber Al Quran adalah wahyu. Pada kita Rasulullah saja diberi wahyu tetapi Syiah kata imam-imam mereka dan Siti Fatimah pun dapat wahyu. Sebab itu Al Quran mereka berbeza dengan Al Quran kita. Ini dapat kita saksikan dalam kitab Syiah, Usulul Kaafi (أصول الكافي) jilid 1 muka surat 134, terdapat hadis berikut:

على بن ابراهيم : عن أبيه ، عن اسماعيل . بن
 مرار قال : كتب الحسن بن العباس المعرفي إلى
 الرحمن عليه السلام : جعلت فدائل أخبرني
 ما الفرق بين الرسول والنبي والامام ؟ قال
 خذ كتب ادر قال : الفرق بين الرسول والنبي
 والامام ان الرسول الذي ينزل عليه جبرائيل
 في راه ويسمع كلامه وينزل عليه الوصي رزما
 هائى في مناديه نحو يا ابراهيم عليه السلام
 والنبي ما سمع العلام ونما رأى الشخص
 ولم يسمع والامام هو الذي يسمع العلام ولا
 يرى الشخص .

Ertinya:

'Ali bin Ibrahim daripada bapanya daripada Ismail
 bin Mirar dia pernah berkata, telah menulis Al
 Hassan bin Al Abbas Al Makrufi, pada Al Redha a.s:
 Aku telah jadi tebusanmu, ceritakan kepada aku
 apakah perbezaan di antara Rasul, Nabi dan Imam?
 Dia telah berkata: Maka dia telah menulis atau (telah

berkata): Perbezaan antara Rasul, Nabi dan Imam: Bahawa Rasul yang turun di atasnya Jibril (جبريل) maka dia melihat akannya dan dia mendengar perkataannya dan turun ke atasnya wahyu, kadang-kadang dia melihat di dalam mimpiya seperti mimpi Ibrahim a.s: Nabi adakalanya dia mendengar perkataan dan adakalanya dia melihat tubuhnya sedangkan ianya tidak mendengar dan imam, dia yang mendengar perkataan tetapi tidak melihat tubuh (malaikat).”

Telah meriwayatkan satu jemaah daripada mazhab Imamiah daripada imam-imam mereka bahawasanya:-

Al Quran yang diturunkan telah berlaku perubahan tentang kalimah dari tempat yang sebenar. Bahkan telah gugur setengah daripada surah. Dan tertibnya juga tidak mengikut adat, kerana adatnya telah diubah dari asal.

Dalam kitab Syiah Al kaafi diterangkan bahawa Al Quran yang sebenarnya adalah dari imam yang maasum. Kandungan Al Quran yang sebenar ialah 17 ribu ayat. Bukan 6666 ayat. Daripada ayat-ayat itu 1/3 daripadanya adalah seperti yang terdapat dalam Al Quran musuh (maksudnya Al Quran Ahli Sunnah Wal Jamaah). 1/3 lagi ada pada orang Syiah. Kenyataan ini ada dinaskan dalam kitab hadis Syiah. Usuulul Kafi jilid 2 muka surat 459 & muka surat 463.

Dalam muka surat 459, pandangan Syiah terhadap Al Quran:

عَدَةٌ مِنْ أَصْحَابِنَا، عَنْ سَهْلِ بْنِ زَيْدٍ وَعَلَى بْنِ ابْرَاهِيمَ
 عَنْ أَبِيهِ جَمِيعاً عَنْ ابْنِ مُحْبَّبٍ عَنْ أَبِيهِ حَمْرَةَ عَنْ
 أَبِيهِ يَحْيَى عَنْ الْأَصْبَحِ بْنِ نَبَاتَةَ قَالَ: سَمِعْتَ امِيرَ الْمُؤْمِنِينَ
 عَلَيْهِ السَّلَامُ يَقُولُ: نَزَّلَ الْقُرْآنَ أَنْلَاتَا: تَلَتْ فِينَا
 وَفِي عَدُونَا، وَنَلَتْ سَنَى رَأْنَالَانَّ رَنَلَتْ فَرَانَضَى وَهَكَامَ

Ertinya:

“Beberapa orang daripada kami, daripada sahabat kami daripada Sahal bin Zayyad, daripada Ali bin Ibrahim, daripada bapanya sekeliannya daripada Ibnu Mahbub daripada Abi Hamzah daripada Abi Yahya, daripada Al Ashbagh bin Nabatah, dia pernah berkata: Aku pernah mendengar Amirul Mukminin a.s telah berkata: Telah turun Al Quran tiga bahagian, 113 daripada kita dan pada musuh kita dan 1/3 perjalanan hidup dan perumpamaan dan 1/3 lagi perkara-perkara fardhu(مرضي) dan hukum.”

▪ Usulul Kaafi oleh Al Kulinijilid2 muka surat 459.

Hadis Syiah dalam Al Kulini jilid 1 tentang pandangan terhadap Al Quran muka surat 463 :

عَلَيِّ بْنِ الْحَكْمَ، عَنْ هَسَنَامَ بْنِ سَالِمَ : عَنْ أَبِيهِ عَبْرَاللَّهِ
 عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ: إِنَّ الْقُرْآنَ الَّذِي بِهِ أَبْهَرَ إِبْرَاهِيلَ

عليه السلام إلى محمد صلى الله عليه وسلم سبعة عشر
ألف آية .

Ertinya:


“Ali bin Al Hakam daripada Hisham bin Salim daripada Abi Abdullah a.s sesungguhnya telah berkata: Sesungguhnya Al Quran yang dibawa oleh Jibril a.s pada Muhammad S.A.W 7000 ayat.”

Usulul Kaafi oleh Al Kulini jilid 1 muka surat 463.

Tapi sekarang orang Syiah masih lagi baca Al-Quran biasa (Ahli Sunnah Wal Jamaah). Alasan mereka itu hanyalah takiyah (helah) sahaja. Al Quran sebenar akan mula dibaca oleh Imam Mahdi ketika beliau lahir nanti.

Imam Mahdi pada Syiah ialah namanya Muhammad Hassan Al Askari (yakni imam yang ke 12). Kononnya beliau ini ghaib semasa belum baligh (بالغ) lagi. Khilaf (خلاف) ulama mereka tentang umur sebenar 4 atau 8 tahun. Tentang ilmu Imam Mahdi ini ada ulama mereka kata beliau telah alim sejak kecil lagi. Ilmunya sama seperti apa yang seorang imam patut tahu. Jadi mentaatinya adalah wajib. Golongan lain pula berkata belum alim lagi. Tentang hukum bersandarlah pada ulama mazhab mereka. Bila dia baligh barulah wajib mentaatinya.

Lihatlah betapa ‘ekstrim’ nya Syiah Imamiah. Tentang Al Quran pun berani disanggah. Ertinya menyanggah Allah. Kalau hendak marahkan Ahli Sunnah Wal Jamaah cukuplah marahkan hal-hal yang boleh dikhilafkan. Ubah dan



Batu Karbala yang menjadi alas tempat sujud setiap kali mereka sembahyang. (Dalam bulatan).

tambahlah hal-hal yang Al Quran tidak tetapkan hukumnya. Tapi tidak begitu dengan Syiah ini. Benci dan marahnya pada Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan lagi atas dasar ilmu, tapi adalah membabi buta dan melulu nafsu. Hampir-hampir samalah sikap ini dengan sikap Yahudi dan Nasrani. Kerana dengki dengan umat Islam sanggup berbohong tentang Allah dan Rasulullah.

Bukankah tentang Al Quran Allah telah jamin bahawa Dia akan pelihara dari sebarang tokok tambah dan perubahan. Firman-Nya:- ,

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ١٩

Ertinya:

“Sesungguhnya Kami (Tuhan) menurunkan akan zikir (Al Quran) dan Kami memelihara baginya (terpeliharadarikekurangandan tokotambah.)”

-AlHijr:9.

Bagi kita Ahli Sunnah Wal Jamaah sesiapa yang menokok tambah Al Quran dengan sengaja hukumnya adalah kafir. Atas dasar ini agaknya orang-orang Syiah kafirkannya kerana katanya Al Quran kita tidak asli. Tapi bagi kita, adalah sebaliknya. Kita lihat apa kata Sayidina Ali tentang Al Quran yang dipakai di zaman Rasulullah dan para sahabat dan yang kita Ahli Sunnah Wal Jamaah gunakan hari ini. Dalam kitab Murujuzzahab (مسعودی) oleh Al Masudi

di muka surat 86 dituliskan:-

بِأَمْرِ الْمُقْتَنِيِّ، أَلَمْ رَأَى إِلَيْهِ النَّاسُ فَدَأْفَلُوا عَلَى هَذِهِ الْأَعْدَيْتِ

وَرَزَكُوكَتَابَ اللَّهِ؟

مَا لَهُ فَدَفَلُوهُا؟ قَالَ نَعَمْ قَالَ: أَمَا إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: (سَتَكُونُ فَتَنَةٌ) قَلْتُ:

فَمَا الْمُرْجِعُ مِنْهُ بِإِرْسَالِ اللَّهِ؟ قَالَ: (كِتَابُ اللَّهِ: فِيهِ بَيَانٌ

مَا كَانَ فِيْكُمْ، وَمَا يَرِيدُونَ بَعْدَكُمْ، وَمَا لَمْ يَمْبَسْكُمْ، هُوَ الْفَضْلُ لِنِسْ

بِالْهَزْلِ). مِنْ رِزْكِهِ مِنْ جَهَافَصِهِ اللَّهُ وَمِنْ أَرَادَ الْمُهَدِّيِّ فِي غَيْرِهِ

أَخْلَقَهُ اللَّهُ هُوَ حِلْمُ الْمُبْتَدِئِ، وَهُوَ الذِّكْرُ الْحَكِيمُ، وَالصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ.

وَهُوَ الذِّي لَا يَرْبِعُ عَنْهُ الْعُقُولُ، وَلَا تَلْبِسُ بَهُ الْأَلْسُنُ، وَلَا تَنْفَضُ فِي

عِجَابِهِ. وَلَا يَعْلَمُ عِلْمَ مِنْهُ. هُوَ الذِّي لَا سَمِعَنَهُ الْجِنُّ قَالَوْا:

إِنَّا سَمِعْتَ أَنَا بِيَهَا، يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ، مِنْ خَالِبِهِ صَدْفَ،

وَمِنْ زَالَ عَنْهُ عَدَاءً، وَمَا تَنْتَلِيهِ أَبْغَ، وَمِنْ نَمْسَكَ بِهِ هَدِي

إِلَى صَرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ»..... خَذْهَا إِلَيْكَ يَا أَعْوَرَ.

Ertinya:

“Ya Amirul Mukminin (Sayidina Ali): Tidakkah engkau melihat manusia menerima hadis-hadis sedangkan mereka meninggalkan kitabullah (Al Quran). Sayidina Ali bertanya: Sudahkah mereka berbuat? Orang itu Al Harithul A’war (الحارث الأعرى) berkata: Ya.

Sayidina Ali berkata: Sesungguhnya Rasulullah S.A.W berkata akan berlakunya fitnah. Aku bertanya Rasulullah bagaimana jalan keluar dari fitnah itu ya Rasulullah?

Rasulullah menjawab: Ikut kitabullah (Al Quran) padanya cerita orang sebelum kamu dan cerita sesudah kamu dan hukum di antara kamu. Dia itu menyelesaikan bukan main-main. Barangsiapa meninggalkannya kerana kesombongannya Allah akan mematahkaninya. Barangsiapa yang menolak petunjuk selain darinya Allah akan mematahkaninya. Dia merupakan tali yang kukuh dan peringatan yang bijaksana, jalan yang lurus dan dialah tidak akan tergelincir akal daripadanya. Dan tidak kesamaran lidah dan tidak akan putus-putus keajaibannya. Dan tidak akan dapat dipelajari ilmu seumpamanya. Dan dialah tatkala jin mendengarnya lantas mereka berka ta: "Sesungguhnya kami telah mendengar Al Quran yang ajaib. Dia menuntun kepada petunjuk siapa yang mengucapkan dengannya dia telah berlaku benar. Barangsiapa Yang telah tergelincir daripadanya dia telah melampaui. Dan barangsiapa yang mengamalkannya diberi ganjaran. Barangsiapa yang berpegang dengannya dia dipimpin pada jalan yang lurus. Ambillah akannya untukmu wahai A'war."

Sayidina Ali sendiri yang kononnya pada orang Syiah ialah bapa Syiah tidak menggambarkan Al Quran boleh ditokok tambah. Dan Sayidina Ali tidak cerita pun perkataan imam maasum. Hadis pun disuruh berhati-hati menerimanya kerana waktu itu hadis belum dibukukan dan belum dinilai lagi sebab takutkan adanya orang-orang ambil kesempatan dari hadis, inikan pula perkataan imam. Sebab itu Sayidina Ali

menyuruh utamakan Al Quran sebab Al Quran terjamin kesahihannya.

Seterusnya orang-orang Syiah sengaja mengada-ngadakan tambahan kerana kononnya perkataan imam setaraf dengan Al Quran dan Hadis. Mereka berbohong dengan Allah, Rasul dan imam mereka. Moga-moga Allah akan hancurkan puak ini dan gagalkan setiap perjuangan mereka untuk mengalahkan kita.

CARA SYIAHMENTAKWILKAN AYAT AL QURAN.

Setelah menolak Al Quran mushaf (مصحف) Usman yang ada 6666 ayat dengan diganti Al Quran lain (susunan lain) mengandungi 17000 ayat, maka Syiah Imamiah mentakwilkan ayat Al Quran dengan cara tersendiri, yang jauh bezanya dari Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka mengubab pengertian yang sebenar Al Quran kepada tujuan kepimpinan yang mereka unggkit- unggkitkan (yakni yang layak memimpin ialah Sayidina Ali dan para imam mereka, bukan Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Usman.)

Tidak keterlaluan kalau dikatakan perbuatan begini menyamai apa yang dikatakan oleh Al Quran dalam surah An Nisa ayat 46:

مِنَ الظَّالِمِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكِلَمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ

Ertinya:

'Sebahagian orang-orang Yahudi merobah-robah kitab suci nya dari keadaan yang asli.'~

Mari kita lihat cara-cara mereka mentakwilkan ayat Al Quran yang terdapat dalam kitab tafsir mereka Usulul kafi karangan Abu Jaafar Mohd bin Yaakub Al Kulini Ar Razi. Kita akan nampak bagaimana mereka mentakwilkan sesuka hati dengan tujuan supaya orang ramai mahu mengiktiraf apa yang mereka katakan kepimpinan Sayidina Ali dan para imam selepasnya.

1. Di muka surat 341 mentakwilkan ayat 71 surah Al Ahzab (sedangkan dalam Al Quran mushaf Usmani Al Ahzab: 72) yang berbunyi:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَهَالِ
فَأَبَيَّنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَحْلَهَا الْإِنْسَنُ
إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Ertinya:

“Sesungguhnya Kami mengemukakan amanah kepada langit dan bumi dan gunung-gunung maka mereka enggan menerimanya. Mereka minta belas kasihan daripadanya sedangkan manusia menerima sesungguhnya dia (manusia) adalah sangat zalim lagi jahil.”

Maka Abu Abdullah berkata iaitulah perlantikan imam bagi Amirul Mukminin a.s.

2. Di muka surat 341 juga Abu Abdullah mentakwilkan ayat 81 surah Al An'am (sedangkan dalam Al Quran mushaf Usmani ayat 82 Surah Al An'am) yang berbunyi:

Al Ahzab) yang berbunyi:

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

Ertinya:

Dan barangsiapa yang taatkan Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia mendapat kemenangan yang maha besar.”

Abi Abdillah mentakwilkan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul dalam menerima perlantikan kepimpinan Ali dan imam-imam selepasnya, sesungguhnya dia dapat kemenangan yang besar, begitulah ayat itu diterangkan.

5. Surah Al Ahzab ayat 53 yang berbunyi:

وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذِنُوا رَسُولَ اللَّهِ

Ertinya:

“Tidak adalah bagi kamu bahawa kamu menyakiti Rasulullah.”

Dan ayat 69:

كَالَّذِينَ هَادَاهُمُوسَى فَبَرَأَهُ اللَّهُ مِمَّا قَالُوا

“Sepertimana mereka telah menyakiti musa maka Allah berlepas diri dari mereka dengan apa yang mereka katakan.”

“Dari Muhammad bin Marqan” jangan ada bagi kamu menyakiti Rasulullah tentang Ali dan para imam seperti mereka yang telah menyakiti Musa. Maka Allah akan melepas diri dari apa yang mereka ucapkan.”

6. Muka surat 342, Muhammad bin Abdullah mentakwilkan ayat 3 surah Al Balad:

وَالِّدٍ وَمَاؤلَدٍ

Ertinya:

“Dan demi bapa dan anaknya.”

Dengan katanya: Amirul Mukminin dan apa yang diberanakkan daripada para imam alaihimussalam.

Jelas sekarang mereka bukan sahaja mentakwilkan Al Quran sesuka hati malah lebih dahsyat lagi mereka ubah susunan ayat-ayat Al Quran. Moga-moga Allah tunjukkan kita ke jalan yang lurus.

CARA AHLI SUNNAH WAL JAMAAH MENTAKWILKAN AYAT AL QURAN

Sekarang kita lihat pula bagaimana Ahli Sunnah Wal Jamaah mentakwilkanayat yang sama di atas.

1. Surah Al Ahzab ayat 72:

Menurut dalam Kitab Tafsir Ibnu Kathir bahawa:

Amanah ialah ketaatan yang berupa perintah dan larangan yang pernah ditawarkan kepada seluruh makhluk langit dan bumi sebelum ditawarkan kepada Nabi Adam AS.

Ibnu Abbas berkata di dalam Tafsir Al Khazin bahawa amanah itu ialah “ketaatan”.

Dalam Tafsir Annasafi menyebut amanah itu ialah “ketaatan kepada Allah”.

Ibnu Maas‘ud mengatakan “amanah itu ialah setiap yang difardhukan seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji.”

Kebanyakan kitab tafsir menyatakan amanah ialah “ketaatan”.

2. Surah Al An'am ayat 82:

Yang dimaksudkan dengan “tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman” ialah, mereka yang melakukan ibadah ikhlas kerana Allah tidak menyengutukannya dengan sesuatu dan tidak sesuatu dengannya. Mereka tetap beriman di hari kiamat dan di dunia mendapat petunjuk.

Berkata Al Bukhari dari Muhammad bin Basyar dari Aadi dari Syu'bah dari Sulaiman dari Ibrahim dari Alqamah dari Abdullah ia berkata: Retika tunln ayat (الذين امنوا ولم يلبسوا ايضهم بظلم). Maka sahabat-sahabat gelisah dan berkata, ‘Manalah di antara kita yang tidak menzalimi diri? Maka turun ayat (إِنَّ الْمُشْرِكَ لَنَعَذِّبُهُمْ عَظِيمٌ). Sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar. Maksud ini telah dinyatakan dalam kebanyakan kitab tafsir antaranya ialah Al Jalalaini, Annasafi, Al Khazin, Al Qurthubidan lain-lain.

3. Surah Atta Ghobuun ayat 2:

“Maka ada di antara sebahagian kamu yang kafir dan ada sebahagian kamu pulang yang beriman.”

Dalam kitab Ibnu Kathir menyatakan, Dialah yang menjadikan kamu menurut sifat ini, dan Ia menghendaki kamu seperti itu. Maka tidak dapat tidak ada yang Mukmin dan ada yang kafir. Dia melihat siapakah yang berhak mendapat hidayah dan siapa pula mendapat dhalalah. Dan Dialah yang menyaksikan segala amal ibadah hamba-Nya dan akan dibalasmengikut apa yang dilakukan.

Ibnu Abbas berkata dalam Taafsir Al Khazin: Sesungguhnya Allah menjadikan anak cucu Nabi Adam ada yang kafir dan ada Muslim. Kemudian mereka akan

dikembalikan di hari kiamat seperti ketika mana mereka di dunia samada mereka kafir ataupun Islam di tempat masing-masing.

Dalam tafsir Annasafi juga memberi maksud yang hampir sama.

4. Suratul Ahzab ayat 7 1:

Maksud ketaatan terhadap Allah dan Rasul ialah “mengikutinya”. Ini dinyatakan dalam Tafsir Al Jalalaini, Annasafi, Tafsir Fakhrurazi dan Tafsir Al Qurthubi.

5. Surah Al Ahzab ayat 53:

Pengertian ayat “Kamu sama sekali tidak boleh menyakiti Rasulullah,” secara umumnya mengikut setengah-setengah ahli tafsir iaitu sebarang perbuatan atau perkataan yang menyakiti hati Rasulullah S.A.W,samada besar atau kecil.

Ada juga yang mengatakan bahawa meninggalkan sunnahnya juga boleh menyakiti Rasulullah.

Dalam Tafsir Annasafi menyebutkan: Tidak sah bagi kamu menyakiti Rasulullah dalam apa bentukjuapun.

Dalam Tafsir Ibnu Kathir ada menyatakan: Ayat ini diturunkan kepada seorang sahabat yang ingin mengahwini isteri Rasulullah setelah wafat baginda. Maka Allah haramkan kepadanya berbuat demikian.

6. Surah Al Balad ayat 3:

“Demi manusia yang melahirkan zuriat dan zuriat ‘yang dilahirkan.’”

Dalam Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Al Khazin, Annasafi dan kebanyakan kitab tafsir menyatakan bahawa manusia ialah Adam as. Zuriat ialah anak cucunya.

Hoggaq (alat hisapan yang mengandung candu) disediakan di ruang leggar di hotel tempat persidangan para ulama tahun 1982 lalu. Ketika itu salah seorang ulama mereka (Syiah) menghisapnya.



PANDANGAN SYIAH IMAMIAHTERHADAP HADIS DIBANDINGKAN DENGAN PANDANGAN AHLISUNNAH

HADIS adalah sumber hukum yang kedua selepas Al Quran. Hadis ialah perkataan, perbuatan, ikrar dan akhlak Rasulullah S.A.W yang semuanya diwahyukan oleh Allah S.W.T sebagai mentafsirkan kandungan Al Quran. Rasulullah S.A.W adalah Sodiqul Masduq (صَادِقُ الْمَسْدُوقِ) yakni benar lagi dibenarkan serta bersifat maasum (yakni sunyi dari sebarang kesalahan) dosa kecil dan besar. Sangat sesuailah seorang yang begini diambil segala ucapan, tingkahlaku, akhlak dan ikramnya sebagai skil atau kayu pengukur untuk mengukur salah benamya perlaku manusia lain

Manusia lain, walau setinggi mana ilmu dan ibadahnya tetap tidak boleh dijadikan hadis samada perkataan atau perbuatannya dan ikrarnya sebab mereka tidak maasum dan Nabi.

Firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَىٰ ۝ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۝

Ertinya:

“Dan tidak dia (Muhammad) bercakap dari hawa nafsu melainkan apa yang diwahyukan.”

Surah An Naj: 3 dan 4.

Demikian pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang hadis. Tapi tidak demikian dengan Syiah Imamiah atau Isna Asyariah. Hadis pada mereka, selain ucapan Rasul juga ucapan para imam yang 12 yang menurut kata mereka adalah maasum. Pada kita yang maasum hanya Nabi. Kalau begitu orang Syiah menganggap sesudah Nabi Muhammad ada 12 orang yang bertaraf Nabi. Dan ini adalah bertentangan dengan firman Allah:

مَا كَانَ مُحَمَّدُ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِ الْكُفَّارِ وَلَكِنْ رَسُولَ
اللَّهِ وَخَاتَمُ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Ertinya:

“Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa dari seorang lelaki di antara kamu tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup Nabi-Nabi. Dan adalah Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

Surah Al Ahzab: 40.

Nabi Muhammad S.A.W telah bersabdayang berbunyi:

وَإِنْهُ سَكُونٌ فِي أَمْتَى تِلَانِفَنَ كَذَابُونَ كَلَّاهُمْ
يُرَسِّمُ أَنَّهُ بَنِي وَإِنَّا خَاتَمُ النَّبِيِّ لَا نَبِيٌّ بَعْدَهُ

- رواه الترمذى

Ertinya:

"Akan ada di lingkungan umatku 30 orang pembohong yang mendakwakan bahawa ia Nabi. Aku adalah Nabi penutup, tidak ada lagi Nabi sesudahku."

Diriwayatkan oleh Tarmizi.

Ahli Sunnah Wal Jamaah menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sesiapa juga di kalangan Ahlul Bait dan para sahabat. Dan ini adalah patut dan logik. Sebab Nabi bukan diturunkan untuk keluarganya saja, tapi untuk seluruh manusia. Rasulullah bukan hidup di kalangan keluarganya saja tapi hidup di tengah-tengah sahabat baginda. Ertinya sahabat-sahabat juga memperolehi hadis dari Rasulullah, yang tidak diperolehi oleh Ahlul Bait. Atas dasar inilah kita Ahli Sunnah Wal Jamaah menerima hadis dari para sahabat.

Sayidina Abu Hurairah meriwayatkan 5374 hadis.

Sayidina Abdullah bin Umar Al Khattab meriwayatkan 2630 hadis.

Sayidina Annas bin Malik meriwayatkan 2286 hadis.

Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar meriwayatkan 2210 hadis.

Sayidina Abdullahbin Abbas meriwayatkan 1160 hadis.

Sayidina Jabbar bin Abdullah meriwayatkan 1540 hadis.

Sayidina Abu Said Al Khudrimeriwayatkan 1170 hadis.

Tapi tidak demikian halnya dengan Syiah. Mereka

hadis kecuali dari Ahli Bait yang bermula dengan Sayidina Ali. Tidak termasuk Sayidatina Aisyah, Sayidatina Habsah, Sayidina Abbas dan Ibnu Abbas r.a. Ertinya hadis yang sebenar-benar hadis pada mereka tentulah sedikit, iaitu sebanyak yang diambil dari Ahlul Bait dan hanya beberapa orang sahabat seperti Salman Al Farisi, Miqdad dan lain-lain. Beribu-ribu hadis mereka tolak mentah-mentah. Tapi pelik dalam kitab hadis mereka terdapat 16000 hadis. Lebih tiga kali ganda dari hadis Bukhari.

Maknanya mereka menambah beribu-ribu perkataan yang bukan hadis tapi mereka katakan hadis. Kata-kata imam mereka dikira sebagai hadis. Setengahnya imam tidak kata pun, saja mereka ada-adakan. Pada mereka yang penting bukan hadis, tapi agar cita-cita mereka tercapai. Untuk itu mereka cari macam-macam jalan dan mencipta berbagai-bagi kaedah yang boleh menyampaikan hajat mereka. Tapi supaya laku dan dipercayai maka disandarkanlah perkataan-perkataan itu kepada nama imam-imam mereka seperti Sayidina Ali, Sayidina Hassan, Sayidina Hussin dan lain-lain lagi. Kita yakin imam-imam mereka tidaklah begitu. Mereka pun tidak setuju nama mereka dijadikan objek untuk hentam para sahabat dan umat Islam seluruhnya. Hadis yang asalnya berfungsi untuk mentafsirkan Al Quran telah digunakan oleh orang Syiah untuk tujuan kepimpinan dan mencemuh para sahabat dan umat Islam. Inilah yang dikatakan menjual akhirat untuk dunia, menjual agama untuk kepentingandiri.

Jumhur Ulama Muslimin (جمهور علماء المسلمين) secara umum telah sepakat tentang dua cara untuk mengenali hadis:-

1. Memeriksa sandaran (isnad). Perawi-perawi hadis mestalah dari orang yang boleh dipercayai keadilannya. Hadis yang

putus isnadnya tertolak.

2. Memeriksa matannya. Tujuan hadis adalah untuk menafsirkan Al Quran. Kalau berlaku percanggahan, hadis itu adalah tertolak. Atau kalau ada yang lebih kuat sanadnya, maka tertolaklah yang lemah sanadnya.

Berdasarkan kaedah ini, maka ulama hadis telah ijmak bahawa kitab hadis yang paling dipercayai kesahihannya ialah Sahih Bukhari dan Sahih Muslim (daripada 6 buah kitab hadis yang muktabar). Dan ini dipakai di seluruh dunia Islam kecuali di Iran.

Berdasarkan kaedah:-

1. Hadis hanya diriwayatkan oleh Ahlul Bait yang mereka terima.
2. Sandaranhadis ialah padapara imam-imammereka.

Maka orang Syiah buat kitab hadis sendiri. Kitab yang dikarang oleh Abu Jaafar Muhamad bin Yaakub Al Kulini Ar Razi (أبو جعفر محمد بن يعقوب الكليني الرازى) diberi nama Usulul Kafi (أصول الكافي). Nama Usulul Kafi oleh Al Kulini adalah terkenal sebagai kitab hadis yang paling sahih, jadi pegangan semua firqah-firqah dalam mazhab Syiah. Kitab ini pada orang Syiah seperti Kitab Bukhari pada kita Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di dalamnya ada 16000 hadis, hampir tiga kali ganda daripada bilangan hadis Bukhari.

Demikianlah jauhnya Syiah menyimpang dari ajaran Islam. Konon sama-sama berpegang pada hadis. Tapi hadis yang mereka pegang adalah rekaan mereka. Hadis yang

dibuat untuk membenarkan apa kata mereka. Kecenderungan utama orang Syiah ialah memimpin, jadi ketua untuk tawan dunia. Sebab itu mereka pun buat hadis untuk membolehkan mereka berbuat begitu. Kata mereka tiada dalam agama lebih penting dari mengatakan imam hingga dia berpisah dengan dunia, hatinya tidak kosong tentang urusan umat.

Dikatakannya ini hadis. Konon Rasulullah S.A.W berkata demikian atau imam-imam berkata demikian. Mereka berbohong terhadap Rasulullah dan imam-imam mereka.

Mari kita lihat contoh-contoh hadis mereka yang dengannya dijual nama Rasulullah dan para imam untuk kepentingan mereka yang mana hadis-hadis ini sanadnya tidak sampai kepada Rasulullah S.A.W hanya sanadnya sampai setakat imam-imammereka sahaja.

Contoh hadis-hadis mereka:-

1. Al Kaafi muka surat 135:-

الحسين بن محمد، عن معلى بن محمد، عن الحسن بن
علي الوسأة، قال: سمعت الرضا عليه السلام
يقول: إن أبا عبد الله عليه السلام قال، إن الجنة
لأنعم الله عز وجل على خلقه لا ينام حتى يعرف

Ertinya:

*"Ai Hussin bin Mohd daripada Mua'ala bin Mohd
daripada Hassan bin Ali, Ali Al Wasysya' dia telah*

berkata, "Aku pernah mendengar Al Redha a.s berkata, "Sesungguhnya Aba Abdullah a.s pernah berkata, sesungguhnya hujah itu tidak akan berdiri bagi Allah Azza Wajalla ke atas hamba-Nya melain dengan imam sehingga dikenalinya.)'

2. Al Kaafi jilid 1 muka surat 138.

الحسين عن معلى عن الحسن بن غلي عن احمد بن عائذ عن أبيه عن ابن اذينة قال : حدثنا غير واحد عن ائدهما عليه السلام انه قال : لا يكون العبد مؤمنا حتى يعرف الله ورسوله والانجنة كلهم واما زمانه وبراليه ويسلم له نعم قال : كفى يعرف الآخر وهو بجهل الاول .

Ertinya:

'Al Hussin daripada Mua'ala dari Hassan bin Ali; daripada Ahmad bin 'A'iz daripada bapanya daripada anak Uzaimah, dia pernah berkata telah menceritakan akan kami bukan seorang daripada salah seorang dari keduanya as bahawasanya dia pernah berkata; Tidak akan ada hamba itu Mukmin hingga ia mengenal Allah dan Rasul-Nya dan sekalian imam mereka dan imam di masanya dan mengembalikan kepadanya dan menyerahkan kepadanya. Kemudian dia berkata, "Bagaimana dia mengenal yang akhir sedangkan dia jahiliyangawal."

3. Al Kafi jilid 1 muka surat 139:

عنه عن أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدٍ، عَنْ الْحَسَنِ بْنِ مُحْبُوبٍ
عَنْ عَمْرُو بْنِ أَبِي الْمَقْدَامِ، عَنْ جَابِرٍ قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا جَعْفَرَ
عَلَيْهِ السَّلَامُ يَقُولُ إِنَّمَا يَعْرِفُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَمَنْ يَعْبُدْهُ
مَنْ عَرَفَ اللَّهَ وَعَرَفَ إِمَامَهُ مِنْ أَهْلِ الْبَيْتِ وَمَنْ لَا يَعْرِفُ
اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَلَا يَعْرِفُ الْإِمَامَ أَهْلَ الْبَيْتِ فَإِنَّمَا يَعْرِفُ
وَيَعْبُدُ غَيْرَ اللَّهِ هُكْذَا وَاللَّهُ هُنَالِكَ

Ertinya:

Daripadanya, dari Ahmad bin Muhammad daripada Al Hassan bin Mahbub daripada ‘Amru bin Abil Miqdam daripada Jabir dia pernah berkata, “Aku pernah mendengar Abu Jaafar as berkata, “Sesungguhnya mendengar Abu Jaafar as berkata; Sesungguhnya yang mengenal Allah Azza Wajalla dan menyembah-Nya ialah siapa yang mengenal Allah dan mengenal imamnya daripada golongan kamiiaitu Ahlul Bait.


Dan siapa yang tidak mengenal Allah Azza Wajalla dan tidak mengenal dan menyembah selain daripada Allah. Begitulah, demi Allah adalah sesat.”

Kalau para pembaca meneliti hadis Syiah yang kita petik dari kitab hadis yang paling sahih pada pandangan mereka iaitu Usulul Kafi oleh Al Kulini,maka kita akan dapat:

1. Perawi-perawi hadis kebanyakannya tidak dikenali di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Hadis tersebut sanadnya sampai kepada imam-imam mereka saja dan tidak bersambung kepada Rasulullah S.A.W. Jadi setiap hadis yang terputus sanadnya dengan sendiri tertolak.
3. Hadis-hadis mereka itu benar-benar diucapkan oleh imam-imam mereka bukan oleh Rasulullah.
4. Kalau kita lihat isinya, benar-benar mempropagandakan agarmentaati imam-imammereka.

Berdasarkan beberapa fakta tersebut terasa oleh kita, ini bukanlah hadis, ini adalah hadis rekaan (*maudu' موضوع*) oleh ulama-ulama Syiah supaya orang menerima aqidah dan pegangan mereka. Dan kalau kita lihat dalam *Usulul Kafi* beribu-ribu hadis yang dianggap oleh orang-orang Syiah, bentuknya adalah sama dengan di atas.

Kalaularah mereka berani berbohong tentang hadis, bereni mereka berbohong tentang hukum, peraturan dan undang-undang. Dan kalau ini berlaku maka ini bukan lagi kesilapan kecil. Ini masalah dasar (pokok), bukan cabang (*furui'ah*) Sebab corak peraturan atau hukum atau sistem adalah ditentukan oleh Al Quran dan hadis. Kalau hadis sudab berubah maka berubahlah hukum atau sistem. Di dunia hari ini terdapatnya berbagai isma seperti sekularisma, nasionalisma, kapitalisma, sosialisma dan lain-lain lagi adalah kesemuanya berbeza undang-undang dan peraturan antara masing-masing isma. Bererti kalau Syiah sudah menolak kebanyakan hadis dan menerima bukan hadis sebagai hadis (*موضوع*) maka nanya mereka



Kelihatan para ulama (bertaraf Hujjatul Islam) minum berdiri di majlis makan minum sewaktu meraka tetamu dari luar negeri.

mengadakan satu ism lain yang berbeza dengan Islam. Atau sekurang-kurangnya Islam yang ada pada mereka sudah tidak asli lagi.

Kalau begitu, kita Ahli Sunnah Wal Jamaah, tidak bolehlah memberi simpati pada Syiah. Memberi simpati bererti menyetujui mereka atau sekurang-kurangnya menguatkan moral mereka untuk terus berjuang menghentam kita. Yang patut pada kita ialah gembeling tenaga untuk menentang Syiah, dan meneguhkan lagi keyakinan dan pegangan kita terhadap aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

5

PANDANGAN SYIAH IMAMIAH TERHADAP SAHABAT DAN KHULAFAU'R RASYIDIN

BURUKNYA anggapan dan tuduhan orang Syiah Imamiah pada Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan lain-lain sahabat (selain Sayidina Ali dan keturunannya) sangatlah ketara. Dalam kitab Syiah bertajuk An Nassu Wal Ijtihad (النص والاجتہاد) muka surat 84, pengarangnya menulis:

“Pada hari tibanya kewafatan Abu Bakar dia telah menjanjikan pengantinya kepada Sayidina Umar. Hairan. Sungguh hairan. Dia mengakadkan jawatan khalifah kepada orang lain sesudah wafatnya. Seolah-olah orang ini memiliki yang lain dari yang dimilikinya. Dia memberi (kepimpinan) pada orang lain tanpa takut hari hisab, pada hari balasan dan pada cercaan (hari kiamat). Hairan. Hairan sungguh. Seolah-olah dia lupa atau buat-buat lupa janji Nabi bahawa jawatan khalifah itu adalah untuk Ali, kemudian yang selepasnya (salah satu samada Hassan & Hussin) yang tidak sesat sesiapa yang berpegang pada keduanya. Dan tidak dapat petunjuk pada kebenaran orang yang tidak menempuh jalan keduanya terhadap agama.”

Begini mereka menghina Sayidina Abu Bakar, merendahkan taqwa beliau itu dan menganggap Sayidina

Abu Bakar seorang yang membohongi Rasulullah atas jawatan khalifah.

Dalam kitab Ihya Ulumiddin Imam Al Ghazali dalam mengulas hadis mengenai “cahaya iman yang diberikan kepada manusia”, yang dikeluarkan oleh At Tabrani dan Hakim daripada Ibnu Mas’ud r.a yang dikatakan sahih menurut Syarat Hadis Bukhari dan Muslim sebagai menyebut:

لوزن ایمان ابی بکر با ایمان سایر العالمین سوی النبیین
والمسلمین رجوع -

Ertinya:

“Dan kalaullah ditimbang iman Sayidina Abu Bakar r.a dengan iman isi alam semesta selain para Nabi dan Rasul, nescaya lebih beratlah iman Abu Bakar.”

Masakan seorang yang paling beriman (sesudah Nabi) dan dijamin syurga dikatakan tidak takut hari hisab, berbohong dengan Nabi dan tamak jawatan khalifah? Jangan-jangan orang yang menuduh itu yang tamak jawatan kepimpinan, berbohong dan tidak takut hari hisab. Dalam kitab yang sama di muka surat 76, orang Syiah menganggap Sayidina Abu Bakar menghulur tangan agar dibai’ah untuk jadi khalifah daripada Rasulullah S.A.W. Maka berbai’ahlah orang-orang yang suka rela tapi berbai’ah juga orang-orang lain secara terpaksa. Sedangkan mereka itu semuanya telah mengetahui janji Rasulullah S.A.W pada saudara dan anak pakciknya Ali bin Abi Thalib. Mereka mendengar Rasulullah menaskannya dari awal-awal urusan kenabian hingga

penghabisan umumnya yang mulia.

Konon di sini Sayidina Abu Bakar memaksa sahabat-sahabat yang lain supaya melantik beliau jadi khalifah. Walhal kata mereka Nabi sudah pesan jawatan itu hak Sayidina Ali. Dalam kitab Syiah juga terdapat cerita begini:-

“Sesungguhnya aku (Sayidina Ali) telah lakukau apa yang telah aku lakukan (bai‘ah), kerana kasihan atas kamu.” (Bukan dengan rela).

Ertinya di sini, kononnya Sayidina Ali purr mengaku bahawa dia sendiri bai‘ah (بَعْثَةٍ) kerana terpaksa sebab tidak mahu bergaduh. Ini satu pembohongan besar. Orang-orang Syiah menjual nama Sayidina Ali dan imam-imam mereka dengan tujuan membenarkan mereka. Kita yakin Sayidina Ali dan Sayidina Hassan dan Sayidina ‘Hussin serta imam-imam mereka itu semuanya soleh-soleh belaka dan berpegang pada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Masakan Sayidina Ali berhasad dengki dan dendam kesumat dengan Sayidina Abu Bakar kerana kekhilafahan yang telah ijmak sahabat menyetujuinya. Sedangkan dengan Sayidina Muawiyah yang terang-terangan ada perselisihan dengannya pun, Sayidina Ali maafkan dengan mudah. Bila ada orang mengadu konon Sayidina Muawiyah mengata sesuatu pada Sayidina Ali, maka jawab Sayidina Ali pada orang itu, “Kalau benar sekali pun, aku telah maafkan dia.

Orang yang sehalus ini hatinya, mustahil berdengki-dengki kerana rebutkan jawatan khalifah. Kita tengok kitab Mukhtasar At Tukhfatul Isna Asyariah (خصر المختصر في السنن عشرية) oleh Shah Abdul Aziz muka

surat 112, apa kata Sayidina Ali tentang Khulafaur Rasyidin selain beliau:

“Telah tetap dalam hadis sahih daripada jalannya Muhammad bin Al Hanafiah bahawasanya dia bertanya kepada Ali tentang manusia yang paling utama selepas Rasulullah. Maka berkata Ali baginya; Abu Bakar. Kemudian siapa? Umar. Kemudian siapa? Seorang lelaki. Engkau ke bapa? Jawab Ali:

“Bapa engkau salah seorang dari orang Islam.”

Seterusnya dalam kitab itu juga, muka surat yang sama. Daripada Abu Juhaifah Al Amili, dia telah berkata, Ali pernah berkata padaku:

‘Wahai Abu Juhaifah, bolehkah aku beritahu kamu orang yang paling utama di kalangan umat ini (selepas Nabi). Aku jawab tentu sekali (sedangkan aku tidak melihat seseorang yang lebih utama darinya (Ali). Berkata Ali: Abu Bakar, Umar dan selepas keduanya yang ketiga. Dia tidak beri namanya.’ (Kata-kata ini dibuat selepas tahun 38 hijrah).

Ini menunjukkan Sayidina Ali iktiraf Khulafaur Rasyidin. Memang sepatutnya begitulah sikap Sayidina Ali. Seorang yang bertaqwa tidak pernah mengangkat dirinya daripada sahabat-sahabatnya. Tapi orang Rawafidh (*الرافضة*) (Raafidhah) ini memang keras kepala, suka buat kacau dan cari gaduh, maka diada-adakanlah tentang Sayidina Ali apa-apa yang sebenarnya tidak ada. Contohnya kita petik dari kitab Al Khomeini Wa Tafdhilul Aimmati ‘Ala1 Anbiyai’ (*الخطي وتفضيل الأنمة على الأنبياء*) oleh Abu Abdur Rahman Muhammad Malullah: “muka surat 17 telah berkata Ali a.s. “Aku pemah bertanya,

wahai Rasulullah apa engkau lebih utama atau Jibrail a.s?

Jawab Rasulullah: Wahai Ali sesungguhnya Allah telah mengutamakan Nabi-Nabi yang diutus di atas para malaikat-Nya yang muqarrobin (مقربین) dan Dia telah mengutamakan aku di atas sekelian Nabi dan Rasul. Dan keutamaan selepas aku ialah engkau. Dan sesungguhnya para malaikat adalah khadam kami dan khadam kekasih-kekasih kami.

Kalau kita amati cerita di atas, bahagian atasnya mungkin betul, tapi yang bawahnya nampaklah karutnya. Ya, kita akui kehebatan Sayidina Ali tapi masakan sampai mengalahkan sekian banyak Nabi-Nabi dan Rasul. Masakan Rasulullah mengutamakan Sayidina Ali daripada sekelian Nabi dan Rasul serta para malaikat. Katakanlah seorang raja di satu negeri di Malaysia ada seorang laksamana. Orang bertanya pada raja, siapakah yang utama? Masakan raja menjawab, "Mula-mula aku, lepas tu laksamana dan lepas tu barulah raja-raja yang lain-lain di Malaysia." Tentu raja itu faham, sehebat-hebat laksamana masakan lebih tinggi darjatnya daripada raja-raja.

Begitulah kedudukan Sayidina Ali pada Rasulullah. Memang istimewa tapi tidaklah sampai lebih istimewa daripada Rasul-Rasul dan para malaikat. Saya fikir Sayidina Ali pun malu kalau dia dikatakan lebih utama dari Rasul-Rasul yang lain dan malaikat jadi khadannya. Atas dasar itulah Sayidina Ali pemah berkata: "Binasalah orang-orang yang terlalu sayangkan aku, binasa juga orang yang terlalu bencikan aku."

Dalam kitab tadi juga di muka surat 22, orang Syiah berbohong lagi tentang Sayidina Ali. Kata mereka, dari

Ali a.s “Demi Allah sesungguhnya aku bersama Nabi Ibrahim dalam api, Akulah yang menjadikannya sejuk dan sejahtera. Dan aku berada bersama Nuh a.s, akulah yang menyelamatkannya daripada karam. Dan aku bersama Nabi Musa a.s maka aku ajarkannya Taurat dan aku telah menuturkan Nabi Isa dalam buaiannya dan mengajarnya Injil. Dan aku bersama Yusuf dalam perigi (lubang) maka aku telah melepaskannya daripada tipu daya saudaranya. Dan aku bersama Nabi Sulaiman di atas hamparan dan aku memudahkan baginya angin.”

Hadis (Syiah) ini disedut dari kitab Al Anwarul Nu'maniah (الأنوار النعمانية) jilid 2 muka surat 31.

Setahu kita Al Quran menganggap pertolongan-pertolongan ke atas Nabi Ibrahim, Nabi Nuh, Nabi Musa, Nabi Isa, Nabi Yusuf dan Nabi Sulaiman, semuanya adalah atas kehendak Allah S.W.T. Cuba pembaca buka Al Quran dan baca kembali cerita Nabi-Nabi di atas. Kita akan dapati bahawa Allah-lah yang menyelamatkan Nabi Ibrahim dari api, Nabi Nuh dari karam, Nabi Musa dari Firaun, Nabi Isa bertutur dalam buaian, Nabi Yusuf dari mati lemas dalam perigi seterusnya Nabi Sulaiman berjalan dengan angin. Allah lakukan dengan cara-cara yang Allah sendiri kehendaki sebagai mukjizat bukan dengan bantuan Sayidina Ali yang belum lahir lagi waktu kejadian itu berlaku.

Dengan hadis di atas, orang Syiah telah menyamakan Sayidina Ali dengan Allah S.W.T. Kita pelik kenapa jauh sangat orang Syiah menyelewengkan ajaran Islam. Walhal di kalangan mereka ramai orang alim bertaraf Ayatullah (ulama besar). Apakah puncanya mereka jadi begini? Ada beberapa kemungkinan:

i). Mungkin hasad dengan puak lain lantas membuat sesuatu untuk menentang puak itu. Macamlah orang Yahudi kerana sakit hati dengan Islam, lantas belajar Islam untuk pukul Islam dengan cara seleweng dan ubah serta tambah, supaya umat Islam berpecah.

ii). Atau pun syaitan yang menjadi guru mereka, mengajarkan macam-macam kepelikan dan kelainan yang boleh meragukan umat Islam tentang mana satu yang benar.

Saya katakan begitu kerana, dalam setiap aspek ajaran Islam~ walaupun yang sulit-sulit ada saja penyelewengan dibuat. Kita ikuti cerita dalam kitab Mukhtasar Attuh Fatul Isna' Asyariah (خَقْرُ الْحَقَّةِ الْأَبْتَنِي عَشْرِيَّة) muka surat 107 & 108. Penulisnya menyedut dari kitab 'Uyunu Akhbarir Ridho 'anil Imamir Ridho (عيون أخبار رضا عن الإمام رضا) diriwayatkan oleh Ibnu Babawaih, dia telah berkata,

'Sesungguhnya Adam tatkala Allah memuliakannya dengan sujudnya para malaikat dan memasukkannya dalam syurga lantas berkata pada dirinya, aku adalah semulia-mulia makhluk. Maka Allah S.W.T menyeru, angkat kepalamu wahai Adam kemudian lihatlah pada kaki (betis) arasy-Ku, maka Adam pun angkat kepalanya maka didapati padanya ada tertulis 'Lailaha illallah, Muhammadur Rasulullah.. Aliyyun Waliyullah" (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ حَمْدُهُ سُورَةُ اللَّهِ عَلَى وَلِيِّ الْأَئْمَاءِ

(Amirul Mukminin dan isterinya Fatimah penghulu wanita-wanita alam dan Hassan serta Hussin keduanya penghulu pemuda penduduk syurga.

Maka Adam lantas bertanya, wahai Tuhan, siapakah mereka itu? Maka berfirmanlah Allah Azza Wajjalla (إِلَهُ الْعَزْوَل) mereka itulah daripada zuriatmu dari mereka

lebih baik daripada kamu dan lebih baik daripada sekalian makhluk dan kalau tidak kerana mereka itu Aku tidak jadikan engkau dan tidak jadikan syurga, neraka, langit atau bumi. Hendaklah engkau jauhi memandang mereka dengan perasaan dengki. Aku akan keluarkan engkau daripada menghampiri Aku. Maka dia pun memandang pada mereka itu dengan hasad. Maka Allah pun menguasai syaitan padanya maka dia makan pokok yang ditegah padanya.

Jauh bezanya cerita ini daripada cerita yang kita dengar sebelum ini. Semacam satu agama lain pula yang dibuat oleh Syiah. Dalam semua sudut aqidah, ibadah, soal dunia atau akhirat ada saja kelainan dengan yang asal (Ahli Sunnah Wal Jamaah). Tentang melebihkan Sayidina Ali dan imam-imam mereka dari para Nabi kecuali Rasulullah, itu juga telah dibuat orang Syiah.

Dalam kitab Annas Wal Ijtihad (النص والاجتياز) muka surat 44, sunnah mengikut Syiah Imamiah ialah perkataan yang maasum atau perbuatannya atau pengakuannya. Yang dimaksudkan maasum di sini ialah Nabi S.A.W dan imam-imam yang dinaskan di atas kepimpinan mereka bermula daripada Sayidina Ali r.a dan akhirnya Muhammad bin Hassan Al Askari.

Seterusnya dalam kitab Al Khomeini Wa Taf Dhilul A Immati Alal Anbiya (الخميني وفضل الامامة على الانبياء) oleh Abu Abdur Rahman Malullah di muka surat 23 mengikut Imam Ali r.a, Nabi yang di atas. Sesungguhnya Allah mengutusnya berserta Nabi S.A.W dengan menyampaikan apa yang Allah perintah untuk disampaikan. Dan sesungguhnya imam sekalian mereka menempati tempat Nabi pada tiap-tiap suatu. Selain apa yang telah

Allah halalkan bagi Nabi nikahi perempuan. Di muka surat yang sama juga dituliskan, daripada Muhamad bin Muslim dia telah berkata para imam menepati Rasul (رسول) melainkan mereka itu bukan Nabi. Dan tidak halal bagi mereka perempuan apa yang dihalalkan bagi Nabi S.A.W. Adapun selain daripada itu mereka menepati Rasul.

Sudahlah mengatakan apa yang tidak dikatakan oleh Sayidina Ali, berbohong pula konon imam mereka macam Nabi. Kalau dia bukan Nabi bagaimana pula boleh menepati Nabi?

Setelah mengkaji tentang Syiah saya dapati puak ini sebenarnya bukan hendak mempertahankan Sayidina Ali sangat, tapi pertahankan kumpulan mereka saja. Demi mempertaharikan puak, mereka sanggup menghina dan membohongi par-a sahabat malah menjual nama Sayidina Ali dan imam-imam mereka sendiri.

Kita lihat pula apa kata mereka pada sahabat. Dalam kitab Ittihafu Zawinnajabah Bima Fil Quran Wa Sunnah Min Fa Dhoilin Shohabah (إتحاف ذوي النجابة بآفاق القرآن والسنّة من فضائل الصحبة) oleh Mohd. Ar Razi Attubbani Assafi Al Maghribi muka surat 80.

Pengarangnya menyedut dari kitab Attahzib (التحذيب) jilid 2 muka surat 116 & 252, ada dituliskan begini:

“Darah dan harta orang yang melantik kepimpinan Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar adalah halal melainkan perempuan kerana nikah orang musyrikin itu harus pada mereka. Sesungguhnya Allah telah meng-anugerahkan Ali akan ilmu antaranya dan makhluknya, maka barangsiapa engkar nescaya kafir. Tidak beriman

orang yang menyalahi tentang kepimpinan. Seorang lelaki daripada kamu (Syiah) lebih baik daripada seratus lelaki daripada mereka (bukan Syiah). Ahli Sunnah Wal Jamaah yang empat (hanafi, shafie Maliki, Hanbali) jangan datangi dan jangan dengar, kerana Allah telah laknat mereka dan agama mereka yang syirik itu.”

Begitu rupanya sikap dan pandangan orang Syiah pada orang-orang yang selain Syiah khususnya Ahli Sunnah Wal Jamaah. Nampaknya Syiah dendki dan dendam sungguh dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hingga kerana itu dihalalkan darah, ertinya boleh dibunuh dan boleh dirampas harta. Kalau begitu kita Ahli Sunnah Wal Jamaah harus hati-hati. Mana tahu kalau-kalau puak Syiah mahu melepaskan geram dengan kita rakyat Malaysia. Mungkin mula-mula mereka berlembut dulu. Tapi kalau kita tidak ikut juga kehendak mereka, lama-kelamaan mungkin mereka akan halalkan darah dan harta kita.

Sekarang ini Syiah sedang mengukuhkan tapaknya di Malaysia. Pensyarah universiti pun ada yang sudah dapat dijerat dan ditipunya. Apalagi siswa dan siswinya, lagi mudahlah diumpan. Kalau dibiarkan akan ramai lagi yang terikut-ikut nanti. Dalam pada itu sudah ada sekolah yang jadi agen untuk hantar pelajar ke Pakistan dan Iran. Saya teringat kata-kata bekas ahli Al Arqam yang sudah menjadi penyokong Syiah, dan sekarang berkhidmat sebagai imam di salah sebuah masjid di Selangor. Katanya:

‘Tunggu, nanti bila pelajar dari Qom pulang, sekurang-kurangnya mereka jadi mullah-mullah. Mereka akan serang Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dan setengah-setengah khatib di masjid, telah masukkan dalam khutbah Jumaat memberi sokongan moral pada

Syiah dan Khomeini.

Kata-kata dan sikap begini, sekalipun tidak rasmi dan masih kecil-kecilan tidak bolehlah kita pandang kosong dan dibiarkan begitu sahaja. Patut sangat kita bimbangkan kemungkinan akan rosaknya aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam dada umat Islam di Malaysia. Selain itu tentang tercetusnya semangat revolusi yang memungkinkan perang dan pembunuhan. Ini tidak mustahil. Cuba baca sekali lagi hadis Syiah di atas; mereka menganggap imam mazhab kita syirik dan terlaknat.

Kata mereka lagi, dalam kitab yang sama muka surat 77, sedutan dari kitab Al Waafi (الوافي) muka surat 44, diriwayatkan dat-ipada As Sodiq dan Al Bakir katanya, ada tiga orang yang mana Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka di hari kiamat, Allah tidak sucikan untuk mereka azab yang pedih. Iaitu siapa yang dakwa jadi imam bukan haknya dan barangsiapa yang engkarkan imamnya di sisi Allah dan siapa yang menyangka Abu Bakar, Umar ada habuan dalam Islam.

Dalam kitab-kitab Syiah, yakni At Tahzib (التحذيب), Al kahfi (الكافي), dan Al waafi (الوافي), semuanya melaknat Sayidina Abu Bakar, Sayidina” Umar, Sayidatina Aisyah dan Sayidatina Habsah.

Menurut hadis mereka; Abu Bakar dan Umar najis dan laknat. Kedua-duanya thaghut (a+%), Firaun, Haman dan nifaq (جني) yang dahsyat, merupakan musuh pada Nabi dan sangat mudharat pada Islam. Abu Bakar itu bapa kepada segala kejahatan. Tidak dinamakan Siddiq melainkan dia melihat dalam gua ada mukjizat yang menakjubkan dia sembunyikan dalam hatinya kata-kata,

sekarang benarlah engkau sihir yang besar.

Masya Allah, seorang yang sudah dijamin syurga (Sayidina Abu Bakar) dituduhnya penipu besar. Ini bukan hadis tapi nada yang lahir dari seorang yang mahu menjatuhkan orang lain. Ini bukan pertentangan pendapat dalam Islam (secara ilmu) tapi satu usaha jahat untuk merosakkan satu keyakinan supaya beralih kepada keyakinan yang lain, yang dibuat dengan penuh prasangka dan penghinaan tentang ilmu tetapi adalah rasa dendam yang dilepaskan melalui saluran ilmu. Nampaknya macam hadis tapi hadis buatan yang liar dan jahat.

Dalam kitab As Sab'a Minas Salaf (السبعة من السلف) karangan As Syed Murtadha As Syed Muhammad Al Khusaini Al Firuzabadi, pengarang telah menghina tujuh orang sahabat dan menuduh dengan bermacam-macam tuduhan. Mereka yang ketujuh-tujuh itu ialah Abu Bakar, Umar, Usman, Aisyah, Habsah, Mu'awiyah dan Khalid Ibnu Walid. Antara tuduhan umum pada tujuh orang sahabat itu ialah:

1. Jahil tentang feqah dan tentang tafsir.
2. Merampus harta Ahlul Bait (أهل البيت).
3. Abu Bakar tidak dibenarkan mengiringi dan sembahyang jenazah, Siti Fatimah.
4. Siti Aisyah dianggap jahat, degil dan selalu membangkang Rasulullah.
5. Sayidina Khalid menceroboh isteri orang.

6. Kesemua mereka ini telah ditipu syaitan dan pembuat bid'ah.

Di muka surat 33 dituliskan tatkala Rasulullah wafat, para sahabat telah kufur semuanya kecuali lima orang saja.

Riwayat lain dalam kitab Syiah disebutkan, sahabat-sahabat telah murtad setelah wafatnya Rasulullah kecuali lima orang saja.

Dalam Al Waafi, mazhab Imamiah meriwayatkan umum para sahabat telah mengungkai janji mereka. Dan mereka telah mm-tad selepas Rasulullah wafat. Pengarang kata hadis ini dilafazkan dengan sanad Abi Jaafar a.s. Bahawasanya manusia (sahabat) telah murtad kecuali tiga orang iaitu Salman, Abu Zarrin dan Miqdad. Ada setengah pendapat mengatakan termasuk Sayidina Ammar

Tentang isteri-isteri Rasulullah, kitab-kitab Syiah (Al Kaafi dan Al Waafi) menuliskan firman Allah Surah At At Tahrim: 10.

صَرَبَ اللَّهُ مُثْلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا أَمْرَاتٌ نُوْجٌ وَأَمْرَاتٌ
لُوطٌ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدِيْنَ مِنْ عَبْكَادِ نَاصِلِ حَيْنٍ فَخَانَتَا
هُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنْ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ أَدْخُلَا
النَّارَ مَعَ الظَّالِمِيْنَ

Ertinya:

“Allah telah membuat gerumpamaan bagi mereka yang telah kafir iaitu perempuan Nuh dan Luth. Adalah keduanya di bawah dua orang hamba

daripada hamba kami yang soleh. Maka kedua-duanya (perempuan tadi) telah mengkhianati akan keduanya. Maka tidak akan mengkayakan akan keduanya daripada Allah akan sesuatu. Lantas dikatakan masuklah kamu kedua ke dalam neraka bersama orang yang masuk.”

Ayat di atas turun pada Aisyah, Habsah, Abu Bakar dan Umar. Dan sesungguhnya Aisyah dan Habsah adalah kafir lagi munafik dan kekal dalam neraka.

Dalam kitab Mukhtasar At Tukhfah Al Isna Asyariah (الكتفه الابتهى عشرية) pula dianggap Sayidatina Aisyah, Sayidatina Habsah dan Sayidatina Zainab (Umhatul Mukminin) (أمهات المؤمنين) adalah jahat dan tidak beradab. Mereka telah mencemarkan kemuliaan Ahlul Bait (أهل البيت) dan ini bukan merupakan agama para pemimpin mereka.

Setahu kita isteri-isteri Rasulullah S.A.W adalah kesayanganan Rasulullah. Menghina dan mencacatkan mereka bererti menghina dan mencacatkan Rasulullah juga. Ini adalah bid'ah yang paling besar. Tidak keterlaluan kalau kita menganggap orang-orang Syiah Imamiah adalah pembuat dan membawa bid'ah yang besar. Terlalu banyak pembaharuan-pembaharuan tentang aqidah yang dibawa masuk ke dalam Islam. Umat Islam dipesongkan keyakinan asal (Ahli Sunnah Wal Jamaah) kepada keyakinan bat-u yang mereka reka-rekakan. Ini satu kemalangan besar yang menimpa umat Islam. Patutnya kita, khususnya ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah membina benteng yang kukuh terhadap kemaraan Syiah ini. Jangan dibiarkan orang-orang kita mendekati mereka. Kerana orang-orang awam selalunya mudah termakan

umpan, mudah diugut dan mudah digoyangkan keyakinan mereka. Untuk itu sekatan-sekatan perlu dibuat di samping usaha gigih memahamkan umat Islam tentang aqidah islam yang sebenar. Tidak ada tolak ansur dan kompromi dengan pengikut-pengikut Syiah atau para simpatinya.

Pandangan Syiah pada Ahlul Bait (أهل البيت).

Kerana terlalu taksub dengan Sayidina Ali dan kerana ada kepentingan politik dan kemahuan menjadi pemimpin, orang Syiah telab menyalah-ertikan istilah Ahlul Bait. Kata mereka yang dikira termasuk keluarga Rasulullah hanyalah Sayidina Ali dan Siti Fatimah serta anak cucu mereka itu. Sayidina Abbas (bapa saudara Nabi) dan anaknya Sayidina Abdullah bin Abbas serta semua isteri-isteri baginda tidak dikira Ahlul Bait. Ini sudah melampau. Sudah terkeluar daripada adat kebiasaan dan lojik akal.

Biasanya satu keluarga terdiri daripada suami isteri, anak, cucu, menantu, pakcik, sepupu dan lain-lain. Dan kalau ada orang mengatakan isteri bukan ahli keluarga ini bukan lagi atas dasar kebenaran tapi adalah marah dan dendam. Kerana benci pada isteri-isteri Nabi, Syiah Imamiah sanggup menganggap mereka itu tidak termasuk dalam keluarga Rasulullah. Ini amat bercanggah dengan Al Quran sendiri. Allah S.W.T kerana membela isteri Nabi (Sayidatina Aisyah r.ha) telah mewahyukan ayat 33 &~ah Al Ahzab.

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنِّكُمُ الْجُنُسَ أَهْلَ
الْبَيْتِ وَيُظْهِرُكُمْ تَطْهِيرًا

Ertinya.

“Sesungguhnya Allah hendak menghilangkan noda dari kamu, hai Ahlul Bait, hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya.”

Maknanya di sini Allah sendiri memasukkan isteri Nabi sebagai Ahlul Bait. Dan inilah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tapi orang Syiah menentangnya. Penentangan ini sebenarnya bukan menggunakan teori atau method tertentu tapi hanyalah berpunca dari dendam pada Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar. Oleh sebab ada di antara isteri-isteri Rasul itu anak kepada kedua-dua khalifah tadi maka dikaitkanlah kemarahan itu, hingga ditolak keahlian mereka dari Ahlul Bait. Cara ini sangat bertentangan dengan agama dan kita mudah-mudahan dilindungi Allah dari mengikutinya.

6.

SAYIDINA ALI DAN PARA IMAM BUKAN SYIAH

SYIAH mula wujud pada tahun 37 hijrah. Yakni di zaman Sayidina Ali. Mulanya mereka semua menganut keyakinan (aqidah) sama seperti aqidah jumhur sahabat sebelumnya. Tidak ada apa-apa kelainan (pembaharuan atau penyelewengan) agama yang dibuat. Berbezaanya mereka dengan sahabat dan orang-orang sebelumnya ialah mereka sangat taksub pada Sayidina Ali hingga mengecilkan sahabat dan Khulafaur Rasyidin. Tidak mengapa juga taksub dengan Sayidina Ali tapi menghina sahabat-sahabat yang lain adalah tidak menasabah.

Semua umat Islam sayangkan Sayidina Ali dan keturunannya tapi tanganlah dalam membuktikan kasih sayang itu tergemark pula mencatatkan sahabat-sahabat Sayidina Ali sendiri. Hampir tiap-tiap hari kita doakan Ahlul Bait (آل‌البیت) tapi tidak pula kerana itu melupakan sahabat. Cuba lihat doa kita Ahli Sunnah Wal Jamaah:

اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Ertinya:

“Wahai Tuhan selawatkan penghulu kami, Nabi Muhammad, keluarga baginda, dan sahabat-sahabat baginda dan selamatkan ke atas mereka.”

Memang kita dahulukan keluarga tapi tidak sedikit pun merendahkan barisan sahabat yang kerana mereka jugalah Islam gagah dan berjaya.


Kerana perjuangan merekalah kita kenal erti hidup, kita dapat mengisi hidup dengan iman, kita kenal di mana kehinaan. Kita dapat meletak diri kita menjadi manusia mulia.

Apakah kelayakan puak Syiah sehingga sanggup merendahkan dan menghina para sahabat yang mulia itu. Apakah mereka lebih baik dari sahabat Nabi? Sedangkan sahabat telah mendapat pujian dari Nabi seperti dalam ucapan selawat di atas.

Sayidina Ali menyaksikan kelakuan puak Syiah yang menggunakan namanya (Sayidina Ah) sebagai isu menguat kumpulan mereka dengan sungguh dukacita. Beliau tidak setuju pengikutnya itu keterlaluan dalam menyokong beliau terhadap puak Khawarrij yakni sangat menentang beliau. Kita lihat apa kata Sayidina Ah;

“Binasalah kumpulan yang terlalu sayangkan aku. Dan binasa juga mereka yang terlalu bencikan aku.”

Sayidina Ah dengan tegas mengisyiharkan Syiah dan Khawarrij adalah termasuk dalam kebinasaan. Ertinya termasuk dalam senarai 72 puak umat Islam yang akan masuk neraka, sepetimana sabda baginda:



Suasana tanah perkuburan setiap hari Jumaat bagaikan pesta kerana keluarga-keluarga yang datang membawa bekalan dan mereka makan minum di atas tanah perkuburan itu.

ستغرق أهلي على ثلاثة وسبعين فرقه كلهم في النار
الفرقه واحدة

Ertinya:

*“Akan berpecah umatku pada 73 puak.
Semuanya masuk neraka kecuali satu.”*

Makin lama makin menebal rasa perkauman puak Syiah. Perasaan fanatik pada Sayidina Ali ditambah dengan rasa sompong, dengki dan dendam pada pihak lawan. Maka makin meliarlah anggapan mereka serta tambah besarlah jurang pemisah mereka. Mulalah mereka mengandai-andaikan perkara yang bukan-bukan tentang para sahabat dan tentang agama itu sendiri.

Tentang sahabat telah disenaraikan sebelum ini bagaimana mereka menghina malah mengkufurkan Sayidina Abu Bakar dan banyak sahabat yang lain. Dituduhnya Sayidina Abu Bakar gila kuasa. Sebab itu waktu Sayidina Ali sibuk menguruskan jenazah Rasulullah, cepat-cepat Sayidina Abu Bakar melantik dirinya jadi khalifah.

Untuk mengetahui benar tidaknya sangkaan ini kita lihat apa kata Sayidina Ali sendiri terhadap Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar. Dalam kitab Ittihafu zawiin Najabah (التحاف ذو النهاية) dituliskan, telah sabit daripada Sayidina Ali bahawa dia telah berkata: Barangsiapa mengutamakan aku daripada Abu Bakar dan Umar maka aku akan rotan mengikut hukuman orang yang dusta.

Ertinya di sini Sayidina Ali sendiri mendustakan orang yang menganggap Sayidina Abu Bakar kurang keutamaan dalam jawatan kekhilifahan dibandingkan dengan apa yang disabdakan oleh baginda Rasul:-

اَفَرَأَيْتَ الَّذِينَ مُنْ بَعْدِ اُبَيِّ بْنِ كَوَافِرَ وَعَمِّ
رَوَاهُ اَحْمَدُ وَالرَّسِيْدِيُّ وَابْنُ مَاجِهٍ

Ertinya:

'Hendaklah kamu mengikut yang dua . orang sesudah aku iaitu Abu Bakar dan Umar.'

Demikian juga tentang par-a sahabat yang lain, Sayidina ali tidak pemah menyangah mereka itu. Apa kata beliau?

"Barangsiapa mencerca para Nabi dia dibunuh dan barangsiapa mencerca sahabat aku dia dirotan."

Sesuailah kata-kata Sayidina Ali ini dengan apa yang disabdakan sendiri oleh Rasulullah S.A.W. Dipetik dari kitab Ibnu Hajar. (كتاب امام ابن حجر) muka surat 3 :

عَنْ أَنْسِ بْنِ اللَّهِ الْأَخْتَارِيِّ وَأَخْنَاثِ الْجِيَّاحِ أَصْحَابَاً وَأَخْتَارَ لَهُ
مِنْهُمْ أَصْحَاباً وَأَرْضَاراً فِي حَفْظِنِي فِيهِمْ حَفْظَهُ اللَّهُ وَمَنْ
آذَنَنِي فِيهِمْ آذَانَهُ اللَّهُ

Ertinya:

"Daripada Annas r.a sesungguhnya Allah telah memilih aku dun para sahabatku untukku di

kalangan mereka, akan persemedaan dan pembantu maka barangsiapa memeliharaan aku di kalangan mereka maka memelihara oleh Allah akannya. Dan siapa menyakitiku di kalangan mereka Allah akan menyakitkan mereka.”

Seterusnya di muka surat yang sama Ibnu Hajar memetik hadis daripada Anas:

أَنَّ اللَّهَ أَخْتَارَنِي وَأَنْتَارِي إِلَيْهِمْ أَصْحَابًا وَأَصْحَى وَسَبَّاقَ قَوْمٍ
يُسْبِّونَهُمْ وَيُنْفِهُنَّهُمْ فَلَا تَجِدُ السُّورَمْ وَلَا تَسْأَبُهُمْ
وَلَا تَأْكُلُهُمْ وَلَا تَسْأَكُهُمْ .

Ertinya:

“Sesungguhnya Allah telah memilih aku, dan telah memilih untuk aku sahabat-sahabat dan semendaan. Dan akan datang satu kaum mencerca akan mereka itu dan mengurangkan akan mereka itu maka jangan kamu duduk dengan mereka, minum dengan mereka dan makan dan menikah dengan mereka.”

Kemudian hadis oleh At Tabrani, Abu Nuaim di dalam Al Makrifah dan Ibnu Asakir daripada Iyadh Al Ansori:

احفظوني في أصحابي وأصحابي وأنصاري فعن
حافظني فيهم حفظ الله في الدنيا والآخرة ومن لم

يَنْهَا فِرْسَةٌ تَحْلِي اللَّهُ مِنْهُمْ مَنْ تَلَى اللَّهُ مِنْهُ
بِوْسَلَتْ أَنْ يَا نَفْزَهْ

Ertinya:

Hendaklah kamu memeliharaku, para sahabat-sahabatku, persemendaanku dan penyokong-penyokongku maka barangsiapa memeliharaku pada mereka Allah akan memelihara mereka dunia dan akhirat. Dan barangsiapa tidak memelihara aku daripada mereka maka Allah berlepas diri darinya. Dan barangsiapa Allah berlepas diri darinya kemungkinan bahawa Dia akan bertindak terhadapnya.”

Rasulullah S.A.W memuliakan sahabat-sahabat baginda. Tidak pemah kita jumpa satu pun ucapan Rasul yang mencerca para sahabat, menghina atau marah-marah pada mereka. Kalau sahabat membuat kesilapan ditegumya dengan baik. Tidak diumumkan kesilapan-kesilapan itu pada sesiapa pun. Jauh sekalilah baginda mencaci-caci, menuduh-nuduh dan melaknat para sahabat seperti yang dibuat oleh orang-orang Syiah. Rasulullah memuji sahabat secara umum dan khusus banyak sekali. Biar saya turunkan beberapa darinya:-

1.

عَلَيْكُمْ بَشِّنِي وَسَنَةُ الْخَلْفَا الرَّاسِدِينَ الْمُحَمَّدِينَ مِنْ

بعدي عضوا على م بالزواج (رواه أبو داود والترمذى)

Ertinya:

“Wajib bagi kamu berpegang pada Sunnahku dan Khulafaur Rasyidin yang diberi petunjuk. Sesudah aku, pegang teguhlah dengan gerahamu.”

2.

أصحابي كالنجوم اذا فتتهم اهتم بهم .

Ertinya:

“Sahabat-sahabat itu laksana bintang di Zangit, kalau kamu ikut mereka kamu dapat petunjuk.”

3.

أصحابي كالنجوم بأيديهم اذا فتتهم اهتم بهم .

Ertinya:

“Sahabat itu laksana bintang dilangit, mana seorang di kalangan mereka yang kamu ikut kamu dapat petunjuk.”

4.

غير المرون ورني ثم الذين يلوثهم ثم الذين يلوضهم .

Ertinya:

“Sebaik-baik kurun ialah kurunku. Kemudian yang mengiringinya. Kemudian kurun yang mengiringinya.”

(Ertinya 300 tahun adalah terbaik dari sesudahnya. Ertinya kurun sahabat itu adalah kurun terbaik).

Pujian khusus pada Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar.

Di dalam kitab Assowaiqul Muhriqah ada menyenaraikan hadis-hadis yang menunjukkan tentang keutamaan sahabat-sahabat Nabi. Tentang Sayidina Abu Bakar ada 113 hadis dan tentang Sayidina Umar ada 68 hadis.

Di sini diturunkan lima sahaja daripadanya.

أَخْرَجَ الْبَخَارِيُّ عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّمَا مِنْ أَمْنِ النَّاسِ عَلَيِّ فِي صَحْبَتِهِ وَمَا لَهُ أَبُو بَكَرَ.

Ertinya:

‘Sesungguhnya orang-orang yang paling aku percaya baik dirinya mahupun hartanya adalah Abu Bakar.’

2.

أَخْرَجَ الْبَخَارِيُّ فِي تَارِيخِهِ وَالنَّسَانِيُّ وَابْنِ مَاجِهِ عَنْ

ابي هريرة ان النبي صلی اللہ علیہ وسلم قال : ”نعم الرجل
ابو بکر و نعم الرجل عمر“

Ertinya:

“Dikeluarkan oleh Bukhari dalam kitab tarikhnya dan Nasa'i dan Ibnu Majah daripada Abu Hurairah bahawasanya Nabi S.A.W bersabda, “Sebaik-baik lelaki adalah Abu Bakar dan sebaik-baik lelaki juga ialah Umar.”

3.

أخرج أَحْمَدُ وَالزَّمِيزِيُّ وَالْحَكَمُ عَنْ عَقِيْبَةِ بْنِ عَامِرٍ
وَالطَّبَرِيُّ عَنْ عَصِيْبَةِ بْنِ مَلَكٍ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
”لَوْكَانَ بَعْدِيْ نَبِيًّا كَانَ سَعْبَنَ الظَّابَ“
وَأَخْرَجَهُ الْهَبَرِيُّ عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْحَذَرِيِّ وَغَيْرِهِ، وَابْنِ
عَسَكَرٍ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَمِيرٍ

Ertinya:

Dikeluarkan oleh Ahmad Termizi dan Hakim daripada Uqbah bin Aam dan Tabrani daripada

*Usmah bin Malik berkata, bersabda Rasulullah,
"Kalau adalah selepasku seorang Nabi nescaya
Umar bin Al Khattab-lah orangnya."*

4.

أَخْرَجَ السِّنْعَانُ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي قَلْمَنْ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبْنَاءَ الْمُطَهَّرِينَ وَالَّذِي نَفْسِي بِهِ مَوْهِي
مَا لَقِيَتِ السَّيِّطَانُ سَاكِنًا فِي قَطْرِ الْأَسْلَمِ فِي
غَرْفَتِكُمْ.

Ertinya:

*Dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim daripada
Said bin Abi Waqas telah berkata ia, Rasulullah S.A.W telah bersabda, "Wahai Ibnu Khattab, demi nyawaku di tangan-Nya, syaitan tidak akan bertemu dengan engkau di satu jalan melainkan ia akan berjalan di jalan yang lain (kerana takut dengan Umar)."*

Pujian Allah pada sahabat.

Tentang sahabat-sahabat ini, sebenarnya Al Quran pun puji. Allah pemah berkimia salam pada sahabat-sahabat melalui Jibril a.s antara firman Allah S.W.T ialah:

Surah Taubah ayat 100.

وَالسَّيِّقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ
 وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ أَتَبْعَوْهُمْ بِإِحْسَانٍ
 رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَ
 لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ
 خَلِيلِينَ فِيهَا آبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Ertinya:

“Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha pada mereka dan mereka pun redha kepada Allah. Allah menyediakan bagi mereka syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.”

Surah Al Imran ayat 172 dan 173.

الَّذِينَ أَسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ مَا
 أَصَابَهُمُ الْقَرْحُ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ وَاتَّقُوا

أَجْرٌ عَظِيمٌ الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ
 قَدْ جَمِعُوا كُلَّمَا فَأَخْشُوهُمْ فَرَادَهُمْ إِيمَانًا
 وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ


Ertinya:

“Orang-orang yang mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya sesudah mereka luka (dalam peperangan Uhud). Bagi orang yang berbuat kebaikan di antara mereka dan yang bertaqwa, ada pahala yang besar.

Orang-orang (mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang yang mengatakan: ‘Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka.’ (Mereka tidak gentar), bah kan perkataan itu menambahkan keimanan mereka dan mereka menjawab, “Cukuplah Allah menjadi Penolong kami . dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung.”

Surah Al Fath ayat 29:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشَدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رَحْمَاءُ بَيْنَهُمْ
 تَرَاهُمْ رُكَعًا سُجَّدًا يَتَّغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضُونَا سِيمَا هُمْ
 فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أثْرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّورَةِ وَمَثَلُهُمْ
 فِي الْإِنجِيلِ كَرْزَعٌ أَخْرَجَ شَطْعَهُ فَاعْزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَأَسْتَوَى



Suasana tanah perkuburan di Behesti Zahrah. Kelihatan bendera dan gambar-gambar. Semua lubang kubur disimen di atasnya.

عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزَّرَاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارُ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ
عَمِنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Ertinya:

"Muhammad itu adalah putusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi kasih sayang sesama mereka; kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaan-Nya, tanda-tanda mereka nampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas tersebut menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang Mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh di antara mereka ampunan dan pahala yang besar."

Surah Al Hadid ayat 10:

لَا يَسْتَوِي مِنْ كُوْمَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ
وَقَاتَلَ أُولَئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِنَ الَّذِينَ أَنْفَقُوا مِنْ

بَعْدَ وَقْتَلُوا وَكُلُّاً وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَى

Ertinya:

"Tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum penaklukan (Makkah). Mereka lebih darjatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (harta-nya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik."

Dalam ayat-ayat yang telah kita tulis di atas jelaslah bagaimana Allah S.W.T telah memuji para sahabat secara umum. Kita boleh buat kesimpulan begini:

Allah telah menguji orang-orang Mukmin dahulu (Muhibbin dan Ansar) ‘dan mereka yang mengikut dan membuat kebaikan iaitu Allah janjikan syurga pada mereka dan kekal di dalamnya. Dan juga Allah memuji para sahabat kerana kuatnya iman, sabar di atas bala dan menyerahkan segala urusan kepada Allah S.W.T. Dijanjikan mereka itu pahala yang besar.

Dan Allah juga beritahu pada kita Rasulullah dan para sahabatnya sangat keras terhadap orang kafir dan berkasih sayang sesama mereka. Mereka sama-sama rukuk, sujud kerana ingin mendapat kurnia dan keredhaan dari Allah. Dan juga Allah beritahu antara mereka tidak sama mendapat keutamaan, siapa saja yang mengorbankan hartanya dan memerangi musuhnya bersama Rasulullah S.A.W, sebelum pembukaan negeri Makkah dibandingkan

orang yang mengorbankan harta dan berperang terhadap musuh selepas pembukaan Makkah. Selain dari empat ayat di atas, banyak lagi ayat yang memuji para sahabat.

Berdasarkan ayat ini kita pelik mengapa orang Syiah menghina para sahabat, melaknat dan mengkufurkan. Al Quran telah puji kebaikan mereka lebih baik dari orang sebelumnya, jadi kalau mereka tolak bererti mereka tolak Al Quran, tolak Allah dan kalau begitu, ajaran mereka telah menyimpang dari Islam yang sebenarnya.

Allah dan Rasul puji sahabat. Tentu sekali Sayidina Ali sendiri mengikuti Allah dan Rasul dalam hal memuji sahabat. Demikian juga imam-imam Ahlul Bait yang 12 orang. Mereka menyampaikan risalah Allah, takut pada Allah, mereka berjuang di jalan Allah dan tidak takut pada cercaan orang yang mencerca. Mereka beramal dengan amalan umum umat Islam. Ertinya kebaikan mereka sudah termaktub dalam Al Quran dan ini terjamin sebelum atau sesusah wafat baginda Rasulullah.

Tapi pelik, kenapa orang Syiah mengatakan sebaliknya? Kenapa mereka terlalu mencerca sahabat dan semua orang-orang Islam yang tidak sealiran dengan mereka. Setiap Syiah mengatakan tiap-tiap puak Islam itu kafir, terlaknat lagi kekal dalam neraka. Orang yang menyalahi Syiah lebih jahat daripada orang kafir. Darah dan harta mereka adalah halal.

Demikian tertulis dalam kitab Syiah yang dipetik dari kitab Ittiha Fu Za Winna Jaabah Bima Fil Qurani Wa Sunnah Min Fadhoilih Sahabah (إتحاف ذوي النجابة بما في القرآن والسنن من نصائح الصحابة) muka surat 80.

Konon mereka membela Ahlul Bait. Tapi Sayidina Abbas dan Sayidina Hamzah termasuk isteri-isteri Rasulullah kata mereka bukan Ahlul Bait. Salman Al Farisi pula katanya Ahlul Bait. Pelik. Mereka mengada-ngadakan dan membuat-buat sesuatu ikut selera mereka, sekalipun bukan kebenaran. Kenapa ini terjadi?

Kalau kita menungkan dalam-dalam hal ini, tentu kita akan nampak duduk perkara yang sebenarnya. Sayidina Ali adalah seorang yang sangat bertaqwa. Beliau adalah termasuk dalam senarai sahabat-sahabat yang dijamin syurga. Maknanya tidak akan ada dalam hati Sayidina Ali rasa gila kuasa, hipokrit, dendam, merendah-rendahkan orang lain dan menuduh-nuduh dengan tuduhan melulu kepada para sahabat. Demikianlah Sayidina Hassan dan Sayidina Hussin dan lain-lain lagi yang dikatakan imam orang-orang Syiah itu. Kita yakin mereka orang-orang mulia, berakhhlak tinggi, soleh lagi taqwa dan sangat takut pada dosa kecil dan besar, lahir mahupun batin.

Mereka adalah pejuang sunnah, menghidupkan syariat Islam dan memegang aqidah seperti aqidah Rasul dan para sahabat yakni aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mustahil keluarga Rasulullah yang muqarrobin (مُقَرْبُونْ) itu mempunyai perangai atau akhlak rakus, tamak, gila kuasa dan tuduh menuduh sebagaimana yang digambarkan oleh orang Syiah.

Kalau begitu apa yang mencetuskan kelahiran Syiah sebenarnya ialah puak yang ambil kesempatan dalam perpecahan di zaman Sayidina Ali, membesar-besarkan pemujaan pada Sayidina Ali, sebagai isu penting untuk menguatkan kumpulan mereka untuk tujuan politik

mereka semata-mata. Dan dari zaman ke zaman kumpulan ini terus berkembang lepas satu generasi ke satu generasi diwarisi sebagai satu pegangan, satu aqidah dan satu perjuangan dan amalan hidup.

Saya katakan begitu kerana nampak sangat bahawa sikap mereka itu betul-betul untuk mengangkat puak mereka. Sekalipun kerana itu kebenaran terabai dan perpaduan terbarai. Mari kita saksikan terang-terangan duduk perkara sebenarnya:

Ibnu Hajar Al Haitami menukilkan dalam kitabnya Assowa'iql Muhriqah (الصواعق المحرقة) muka surat 8, begini:

وأمْرَعَ النَّاسَ فِي أَبُو يَعْلَى وَالْحَاكِمِ وَصَحَّى عَنْ أَبِنِ
مُسْعُدٍ قَالَ، لَا فِي هَذِهِ رِسْوَالَةِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ الْأَنْ
فَضَّلَّارُ مِنَا أَمِيرٌ وَنَكَّ أَمِيرٌ، فَإِنَّا لَهُمْ عَرَبُنَ الْخَطَابِ
فَقَالَ: يَا عَصَتِ الرَّضَارَ أَنْتُمْ تَعْلَمُونَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَمَرَ أَبَا بَكْرًا بِيَوْمِ النَّاسِ وَأَيْمَنَ نَطِيبَ نَفْسَهِ
أَنْ يَقْدِمَ أَبَا بَكْرًا فَقَالَ الرَّضَارُ: نَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ نَقْدِمَ
أَبَا بَكْرًا.

Ertinya:

'Dikeluarkan oleh An Nasa'i dan Abu Yaala dan Al Hakim dia mensahihkannya daripada Zbnu Mas'ud dia telah berkata, tatkala diwafatkan Rasulullah S.A.W orang Ansar berkata, daripada kami seorang ketua (amir) dan daripada kamu

seorang ketua (amir); maka datang Umar kepada mereka lantas berkata, wahai orang Ansar, tidak tahukah kamu bahawa Rasulullah menyuruh Abu Bakar mengimamkan manusia. Siapakah di kalangan kamu yang dirinya patut mendahului Abu Bakar? Orang Ansar menjawab, “Kami berlindung dengan Allah untuk mendahului Abu Bakar.”

Seterusnya diriwayatkan oleh Ibnu Ishak daripada AZ Zuhri daripada Annas tatkala Abu Bakar telah dibai‘ahkan di balai rong Bani Saidah besoknya dia duduk di atas mimbar maka Umar pun berdiri lantas bercakap; memuji Allah dan berkata, ‘Sesungguhnya Allah telah menghimpunkan urusan kamu atas sebaik-baik kamu iaitu sahabat Rasulullah S.A.W iaitu yang kedua dari dua orang tatkala dalam gua. Maka berdirilah kamu semua, maka berbai‘ahlah kamu semua. Manusia pun berbai‘ah secara umum sesudah bai‘ah di balai rong.

Kenapa Sayidina Umar berani berkata dan bertindak demikian? Xdakah kerana hanya memandai-mandai dan kerana baginda mendengar sesuatu dari Rasulullah S.A.W? Dalam kitab Ittihā Fu Zawīn Najabah (إتحاف ذوي النهاية) muka surat 128 dituliskan begini:-

ابن عباس عن جعفر بن مطعم رضي الله عنه قال:
 (أَتَنْتَ الْمَرْأَةَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَرْهَاهَا نَسْكَنَةً)
 زوج النبي فقالت، ما أريك أنت جئت ولم أهدك كائناً لغيرك
 الموت، قال: إن لم تجديني فاتت أيامك.

Ertinya:

"Telah dikeluarkan oleh dua orang Syeikh (Bukhari dan Muslim) daripada Jabir bin Mat'am r.a dia telah berkata, telah datang seorang perempuan pada Nabi S.A.W maka dia menyuruh akannya kembali. Lantas perempuan itu berkata, apa pandangan engkau jika aku datang tidak mendapatimu (seolah-olah bila mati) Rasulullah berkata, jika engkau tidak mendatangi aku maka datanglah Abu Bakar."

2. أخرج الشيخان عن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه
 قال: مرضى النبي صلى الله عليه وسلم فاستدر مرضنه فقال: مروا أبا يكربلا فلصل بالناس فالت عائشة، يا رسول الله انه يهل فسقى إذا اقام بفامنه لم يستطع أن يصله بالناس فقال: مري أبا يكربلا فلصل بالناس فلأنك هو أحب يوسف» وانه الرسول فصلى الناس بهبة رسول الله هلمع: وفي رواية «إنما أبغىه فلم يرجع لرافقت لمحصنة قولي له يا عمر فقلت له فابنى هي غريب وقال: إنك أو لا فتنى هو أحب يوسف مروا أبا يكرلا قال العلام، هذه الحديث صوراً لزنة ورد من الحديث عائشة وعلى بن أبي طالب وابن مسعود وابن عباس وابن عمر

وعبد الله بن زمعة وحمزة وابي سعيد الخدري من
طرف كثرة

Ertinya:

“Telah mengeluarkan oleh dua Syeikh daripada Abi musa Al Asyaari r.a dia telah berkata: Telah sakit Nabi S.A.W maka bersangatan sakitnya lantas baginda bersabda, perintah olehmu akan Abu Bakar, hendaklah dia bersembahyang dengan manusia. Lantas berkata Aisyah, wahai Rasulullah, bahwasanya dia seorang lelaki yang lembut yang mana bila dia menggantikan tempat engkau dia tidak akan berupaya sembahyang dengan manusia. Bersabda baginda, kamu suruh Abu Bakar sembahyang dengan manusia. Sayidatina Aisyah mengulangi katanya. Suruh olehmu Abu Bakar sembahyang dengan manusia. Sesungguhnya kamu ini adalah sahabat-sahabat Yusuf. Maka mendatangkan oleh Rasul untuk sembahyang dengan manusia, di mana hidup Rasulullah S.A.W.”

3.

آخر ع الإمام أحمد والترمذى وحسنه وأبي ماجه
وأبا حاتم وصححه عن هذيفه رضي الله عنه قال
رسول الله صلى الله عليه وسلم : إقتصروا بالذين

"Telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad dan Termizi dan menganggapnya hadis Hassan dan Ibnu Majah dan Al Hakim dan mensahihkannya daripada Huzaifah r.a telah bersabda Rasulullah S.A.W, "Hendaklah kamu ikut yang dua ini selepas aku iaitu Abu Bakar dan Umar."

Muka surat 128 & 129.

Memandangkan hadis-hadis di atas kita yakin bahawa tindakan Sayidina Umar mengutamakan Abu Bakar dari Sayidina Ali r.a untuk jadi khalifah itu adalah berdasarkan nas. Bukannya ikut selera beliau sahaja. Atas dasar itulah seluruh sahabat waktu itu, termasuk Sayidina Ali menyetujuinya dan berbai'ah dengan Sayidina Abu Bakar.

Tidak ada apa-apa krisis rebut jawatan khalifah oleh para sahabat waktu itu. Semuanya berjalan baik.

'Dalam kitab As Sowaikul Muhriqah (الصواعق المحرقة) oleh Ibnu Hajar muka surat 10 penulisnya berkata, perlantikan Sayidina Abu Bakar adalah ijmak ulama (sahabat).

Kemudian terdapat di muka surat 10 itu juga:

أَخْرَجَهُ الْحَامِمُ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي مُسْعُودٍ قَالَ: مَا رَأَاهُ
الْمُسْلِمُونَ حَسْنًا فَهُوَ عَنِ اللَّهِ حَسْنٌ وَمَا
رَأَاهُ الْمُسْلِمُونَ سُوءًا فَهُوَ عَنِ اللَّهِ سُوءٌ وَفَدَ إِلَيْهِ الصَّحَابَة
جَمِيعًا إِنْ يَسْتَهِنُوا بِأُبُوكِرٍ فَإِنَّكُلَّمَنِي مَا صَحَّ.

Ertinya:

“Daripada Hakim mengesahkan B b n u Mas’ud telah berkata apa yang dipandang oleh orang Islam itu baik maka di sisi Allah adalah baik. Apa yang dipandang oleh umat Islam jahat maka di sisi Allah pun jahat juga. Tentang perlantikan Sayidina Abu Bakar, sahabat-sahabat telah melihat sekeliannya, beliau itu patut jadi khalifah. (Maka di sisi Allah juga adalah begitu).”

Ibnu Mas’ud adalah sahabat besar. Beliau menganggap perlantikan Sayidina Abu Bakar adalah ijmak sahabat dan itu akan direhái juga oleh Allah S.W.T.

Dikeluarkan oleh Baihaqi:

Aku pernah dengar Imam Shafie berkata manusia telah seja sekata melantik Abu Bakar jadi khalifah. Tahu lah kita, imam mazhab kita juga menyetujui bahawa perlantikan Sayidina Abu Bakar adalah ijmak.

Kalau begitu jelaslah bahawa kedudukan Sayidina Abu Bakar sebagai khalifah pertama adalah ijmak ulama (sahabat). Berdasarkan sumber hukum dalam Islam, salah satunya adalah pada perkataan atau perbuatan yang telah diijmak-ulamakan. Maka kita umat Islam tidak bolchlah ragu-ragu atau pertikaikan dengan kekhilafahan Sayidina Abu Bakar. Siapa yang ragu bererti terkeluar daripada aqidah yang selamat. Ini berdasarkan hadis yang di riwayatkan oleh Termizi:

اَنْ بَنِي اِسْرَائِيلَ نَفَرَتْ عَلَى اَنْسَىٰ وَسَبْعِينِ مَلَةٍ
وَنَفَرَقَ اَهْمَّهُ عَلَى سَلَاتِ وَسَبْعِينِ مَلَةٍ كَلَّاهُمْ فِي الْأَنَارِ



Suasana di tanah perkuburan (Maqam Syuhada) di Behesti Zahra. Kelihatan gambar khayalan Sayidina Ali dan Sayidina Hussin dilekatkan di setiap kubur kyonnya sebagai mengambil berkat.

الْأَرْمَلَةُ وَاحِدَةٌ قَالُوا رَسُولُنَا فِي بَارِسُولِ اللَّهِ يَقُولُ
مَا أَنْعَلَهُ وَأَنْهَى بِهِ

Ertinya:

“Bahawasanya Bani Israil telah berfirqah sebanyak 72 Jfirqah Dan akan berpecah umatku pada 73 firqah. Semuanya masuk neraka kecuali satu. Sahabat yang mendengar ucapan itu bertanya, siapakah yang satu itu ya Rasulullah. Nabi jawab, yang satu itu ialah orang yang berpegang sebagai peganganku dan pegangan sahabatku.”

Hinggalah kepada tiga orang khalifah iaitu dimulai Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Usman keadaan umat Islam (para sahabat) elok sahaja. Belum berlaku apa-apa ketegangan dalarn hal agama atau pemerintahan, kecuali masalah biasa yang boleh diselesaikan zaman itu juga. Tapi bila tiba zaman Sayidina Ali jadi khalifah terjadilah perpecahan di ‘kalangan umat Islam. Itu pun waktu ini orang-orang Syiah masih beraqidah sepertimana umat Islam sebelumnya. Mereka cuma melebihkan Sayidina Ali daripada sahabat yang lain.

Lama kelamaan, jurang perpecahan makin mendalam dan meluas. Maka bermulalah berbagai-bagai andaian dibuat dalam berbagai-bagai perkara samada dari segi politik mahupun agama. Mereka mula berkeras mencari nas untuk menguatkan hujah mengatakan Sayidina Ali lebih utama dari khalifah yang lain-lain. Walaupun zarnan telah berlalu dengan tiga orang sudah jadi khalifah, namun

mereka sibuk juga pertahankan bahawa patutnya Sayidina Ali-lah yang jadi khalifah. Kalau ya lah sekalipun yang Sayidina Ali orang yang paling layak jadi khalifah pertama, tapi kerana sudah terlanjur, bukankah elok dimaafkan sahaja. Apa faedahnya diungkit-ungkitkan? Tapi sudah dasar mereka suka mencari pergaduhan, untuk mendapat keuntungan tertentu bagi puak mereka maka dicari-cari pasal agar timbul perpecahan dan kacau bilau dalam masyarakat. Kita lihat betapa mereka muah mempertahankan bahawa Sayidina Ali-lah yang patut jadi khalifah pertama.

Dari kitab Tarikhul Jadil (تابع الجدل) oleh Imam Muhammad Abu Zuhrah muka surat 130 terdapat hadis kononnya sebagai nas bahawa kepimpinan Sayidina Ali adalah dengan nas.

1.

مَنْ كَنْتُ مُولَاهُ فَعَلَىٰ مُولَاهِهِ

Ertinya:

'Barangsiapa yang aku (Rasulullah) pemimpinnya maka Ali-lah pemimpinnya.'

2.

اَللّٰهُمَّ وَالَّذِي مِنْ وَلَاهُ وَعَادَ مِنْ عَادَاهُ

Ertinya:

**“Wahai Tuhan pimpinlah orang yaw
menjadikannya pemimpin dan musuhilah akan
orang yang memusuhinya.”**

3.

أَفْضَلُكُمْ عَلَىٰ

Ertinya:

**“Kamu yang paling tahu tentang hukum ialah
AK”**

4. Termasuk juga yang dikatakan nas itu ialah mereka mengambil istimbat tentang Nabi memberatkan Sayidina Ali baca Surah Baraah, bukan Sayidina Abu Bakar; itu maknanya Ali-lah yang layak jadi khalifah pertama, bukan Sayidina Abu Bakar. Menggunakan nas-nas yang mereka buat di atas, orang-orang Syiah Imamiah telah menuduh para sahabat zalim dan kafir.

Ini adalah kerana pada mereka perkara yang paling utama dalam agama ialah menyatakan imam. Dari itu siapa juga yang menyanggah dalam soal-soal kepimpinan terus dituduh zalim dan kalir.

Demikianlah palsu dan karutnya pegangan Syiah Imamiah. Tidak cukup dengan itu mereka cari-cari lagi kesempatan untuk menegakkan benang basah. Kononnya semasa perhimpunan besar-besaran ummat Islam di Ghadirkhom (غدیر خم) waktu haji wida', Rasulullah tunjuk pada Sayidina Ali jadi khalifah selepas baginda.

Kita tidak boleh terima hujjah itu sebab kalau benarlah Sayidina Ali sedar dialah yang diminta untuk jadi khalifah oleh Rasulullah masakan beliau diamkan saja perkara itu. Diamkan atau sorokkan nas bererti khianat. Ma&an Sayidina Ali berani khianat terhadap Nabi? Tapi orang Syiah anggap Sayidina Ali telah berbuat begitu. Kata mereka Sayidina Ali tidak mahu cari gaduh, (dengan cara takiyah) sebab sahabat telah ijmak melantik Sayidina Abu Bakar. Walhal Sayidina Ali tentu lebih takut untuk tidak menegakkan nas (hukum atau dalil) daripada mencari gaduh.

Lagipun, waktu balik daripada haji wida' itu kalau benar Rasulullah tunjuk pada Sayidina Ali tukkanlah tidak ada seorang sahabat daripada yang beribu itu nampak, kemudian kita kata mereka diamkan hal itu bererti kita menuduh sahabat-sahabat pun khianat.

Walhal kalau sahabat-sahabat khianat, siapa lagi yang boleh dipercayai sesudah Rasul? Sebenarnya sahabat tidak khianat. Mereka adalah bintang-bintang kata Rasulullah, yang mana kalau kita ikut mereka kita dapat petunjuk.

Sebenarnya Rasulullah tidak tunjuk kepada Sayidina Ali. Sengaja orang Syiah yang buat cerita. Orang Syiah buat cerita lagi kononnya bila Siti Fatimah tahu Abu Bakar dilantik jadi khalifah, beliau pun pergi ke tengah perhimpunan dan marah-marah pada Sayidina Abu Bakar kerana merampas hak suaminya. Berkata begitu bererti merendahkan Siti Fatimah. Seakan-akan Siti Fatimah gila kuasa dan berakhlak seperti perempuan jahiliah. Mustahil penghulu perempuan syurga berperangai begitu.

Hingga di sini bolehlah rasanya saya simpulkan bahawa

orang Syiah telah menjual nama Islam dan nama Sayidina Ali serta keturunan beliau untuk tujuan politik mereka. Hampir samalah sikap ini dengan orang-orang Kristian yang menjual nama Nabi Isa a.s dengan tujuan perjuangan perkauman mereka.

Walhal Nabi Isa sendiri adalah seorang Islam yang beramal dengan syariat Islam dan akan datang lagi untuk menegakkan syariat Nabi Muhammad. Tidak lama lagi orang Kristian akan terperanjat besar kerana orang yang dikatakan Tuhan itu akan datang menyerang mereka kerana pembohongan yang dibuat oleh mereka ke atasnya.

Demikian halnya orang Syiah dengan Sayidina Ali dan para imam. Tidak ada sangkut paut Sayidina Ali dengan Syiah. Saja mereka yang mengada-ngadakan tentang Sayidina Ali, sesuatu yang Sayidina Ali tidak tahu menahu. Sayidina Ali adalah bapa kepada fakir miskin, anak yatim dan janda-janda. Beliau adalah zahid yang ulung dan sangat berani menegakkan hukum Allah. Menangis sepanjang malam kerana takutkan Allah dan di hujung hidupnya tidak senyum-senyum lagi kerana duka-cita akan manusia yang sudah liar dan berani dengan Allah. Adakah orang begini diajak terlibat dengan ekstrimism Syiah? Kita yakin tidak lama lagi akan berlakulah apa yang dikatakan oleh beliau:-

“Binasalah orang-orang yang terlalu sayangkan aku (Syiah). Binasa juga orang-orang yang terlalu bencikan aku (Khawarij).”

7.

NIKAH MUT'AH DAN KONSEP TAKIYAH

DALAM kitab Syiah jilid 7, T\$Fgat 24% : 241 dituliskan begini; dihalalkan faraj itu dengan tiga sebab:

1. Nikah yang dipusakai (nikah secara putus).
2. Nikah yang tidak dipusakai (mut'ah)
3. Nikah sebab milik (nikah hamba)

Di muka surat 249, dikatakan: Nikah mut'ah itu telah ijmak kaum Muslimin mengatakan Nabi S.A.W telah mengharuskannya pada waktu tertentu. Tidak ada dalil yang putus yang mencegahnya / menghalangnya / menjauhinya. Bahkan nikah mut'ah adalah berdasarkan nas Al Quran:

فَمَا أَسْتَعْنُهُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَعَلَوْهُنَّ

أَجُورُهُنَّ فَرِيضَةٌ

Ertinya:

**“Maka jika kamu telah berseronok dengannya
daripada mereka itu maka beri sajalah mereka itu
upahnya.”**

Surah An Nisa: 24.

Orang Syiah mengertikan nikah mut‘ah tanpa wali dan tanpa saksi. Bila sudah berseronok bayar saja upah. Dan orang yang kahwin mut‘ah tidak boleh tuntut anaknya, diserah saja pada perempuan dan tidak boleh pusaka mempusakai.

1. Seterusnya dari kitab Syiah yang bertajuk Ma.nla yakhidhuruhul Fakih (من لا يحضره لفظه حزق) juz 3 bab Mut‘ah muka surat 291:

وَقَالَ أَبُو هُبْرَةَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّهُ لَا يَسْرِي
بِهِ إِلَى النِّسَاءِ . قَالَ : لَحْقَنِي جَبَرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَقَالَ :
يَا مُحَمَّدُ إِنَّ اللَّهَ نَبَارِكُ وَنَعَالِمُ بِمَا يُؤْتُ إِنِّي فَدَغْفَرْتُ
لِلْمُتَمَعِّنِينَ مِنْ أَهْنَانِ النِّسَاءِ .

Ertinya:

Dan berkata Abu Jaafar a.s sesungguhnya Nabi telah

menselawatkan ke atasnya dan keluarganya tatkala diisrakkan ke langit. Teiah berkata jibril a.s telah menemui aku lantas berkata, wahai Muhammad sesungguhnya Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku telah mengampunkan bagi orang yang kahwin mut'ah dari umatmu dari kalangan wanita."

2.

وَرَوَى إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَا يَتَكَبَّلُ مِنِي بِتَمَنَّعٍ .

Ertinya:

Diriwayatkan bahawanya orang Mukmin itu tidak sempuma imannya sehingga ia kahwin mut'ah.

3.

وَرَوَى عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَيَّانَ عَنْ أَبِي خَيْرٍ أَنَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ
قَالَ : إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى حِلَّ عَلَى شَيْعَتِنَا الْمَسْكُ
مِنْ كُلِّ شَرَابٍ وَعَوْصِنَّاهُمْ مِنْ ذَلِكَ الْمَنْعَةِ

Ertinya:

Telah diriwayatkan oleh Abdullah bin Sinan daripada Abi Abdullah a.s ia telah berkata: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan dalam golongan kita perkara yang memabukkan daripada sebarang minuman tetapi telah mengantikannya dengan kahwin mut'ah.

تَهْذِيبُ الْأُكْمَارِ (jilid 7, Abi Jaafar At Tusi dalam syarahnya muka surat 258, berkata: Dalam nikah mut'ah hendak kahwin berapa banyak pun boleh, kahwin mut'ah itu serupa kahwin dengan hamba sahaya.

Dalam kitab yang sama di muka surat 256 disebut kam-


لرَبَّسْ أَنْ يَتَّمَنَّ الرَّجُلُ بِالْيَهُودِيَّةِ وَالنَّصَارَىِ .

Ertinya:

Tidak mengapa orang lelaki itu berkahwin mut'ah dengan perempuan Yahudi dan Nasrani.

Demikianlah hadis-hadis yang dibuat oleh orang Syiah untuk membolehkan mereka bermkah dengan mana-mana juga perempuan yang mereka ingini. Hadis-hadis yang dikaitkan dengan Rasulullah dan imam mereka. Kita yakin Rasulullah dan imam mereka tidak berkata begitu. Islam telah mengangkat kaum wanita dengan mengharamkan zina dan kahwin lebih dari empat. Ertinya lelaki boleh ambil perempuan dengan syarat pemikahan yang rasmi dan terjamin. Supaya wanita ada yang memelihara dan membelanya dari muda hingga ke tua. ,

Demikian juga anak-anak yang dilahirkan, supaya tentu ayahnya memberi nafkah dan menjadi walinya. Bila dihalalkan nikah mut'ah bererti halallah sistem pelacuran yang diamalkan zaman ini. Iaitu seorang lelaki bila ingin perempuan dibuat nikah mut'ah kemudian bila selesai keinginannya dilepaslah perempuan itu pergi,



Inilah pekerja hotel Izardi yang menjadi buruh; tukang sапу, tukang kemas bilik dan lain-lain.

setelah dibayar dengan bayaran tertentu. Apa beza dengan pelacuran dan perzinaan?

Ini satu penganiayaan yang besar pada kaum wanita. Sedangkan Allah yang Penyayang telah menentukan bahawa lelaki adalah pemimpin wanita, tanggungjawab mereka lah untuk mencari tempat tinggal, nafkah dan keselamatan wanita itu. Bukannya perempuan jadi alat pemuas nafsu yang dicari bila perlu dan dibuang bila kenyang.

Kita pelik kenapa wanita-wanita Syiah relakan diri mereka dibuat demikian. Kalau lahir kerana tertipu kita tentu simpati. Mereka sudah tidak bermaruah lagi. Tapi kalau mereka sengaja membenarkan dibuat begitu, itu menunjukkan bahawa setakat berjuang untuk menjatuhkan kaum sejenis mereka.

Berani sungguh ulama-ulama Syiah menghalalkan nikah mut'ah. Pada pandangan kita perbuatan keji dan haram. Ia merupakan amalan di zaman jahiliah. Tidak ada satu riwayat pun bahawa Nabi dan para sahabat melakukan nikah mut'ah. Pemah Sayidina Umar melarang nikah mut'ah tapi orang Syiah kemudianya mengutuk Sayidina Umar. Memandangkan mereka tergamak berkelakuan demikian, kita makin terasa bahawa orang-orang Syiah ini benar-benar bertuhankan nafsu mereka. Ajaran Syiah semuanya sesuai dengan nafsu mereka. Ajaran Syiah semuanya sesuai dengan nafsu atau mazmumah segolongan manusia. Mencari kepuasan dan kebahagiaan dengan menekan dan menganiayai puak lain. Dan ini jauh bertentangan dengan Islam yang suci.

AT TAKIYAH (التكية)

Erti takiyah itu ialah melahirkan perbuatan dan percakapan menyalahi apa yang disembunyikan dalam hati (oleh seorang manusia itu) seperti melahirkan lemah lembut di hadapan orang lain sedangkan dalam hatinya ia melaknat seorang itu. Ulama Syiah ada berkata sesungguhnya 9/10 agama itu ialah di dalam takiyah daripada agama Allah dan tidak ada agama bagi orang yang tidak berterakiyah. Dan bertakiyah pada tiap-tiap sesuatu melainkan dalam perahan arak dan menyapu air di atas dua khuf (kasut).

Lihat Al Kaafi Minal Usul (الکافی من الاصحولات) jilid 2 muka surat 217 dan 219 cetakan tahun 1968.

Konsep takiyah dalam Islam telah digunakan oleh Syiah sewenang-wenangnya untuk tujuan kepentingan dan politik mereka. Kita Ahli Sunnah Wal Jamaah membenarkan takiyah dalam keadaan dharurat untuk keselamatan individu atau masyarakat. Inilah berlaku pada Ammar bin Yasir, menyorokkan keyakinan (aqidah) pada Allah dan Rasul kerana mengelak dari pembunuhan yang diancam pada beliau. Dan bila Rasulullah dibcritahu hal ini, baginda menyetujuinya. Kesempatan ini diambil oleh Syiah untuk tujuan politik mereka.

Dalam kitab Ittihafu Zawinna Jabah Bimaafil Quran Wa Sunnah Min. fadhe'e Ilis Sahabah (أئمّاف ذری النجایة بما في القرآن والسنة من فضائل الصحابة) di muka surat 81, penulisnya menceritakan bagaimana Syiah menggunakan takiyah. Katanya:

Sebagaimana yang kita maklum adalah para imam mereka daripada golongan Ahlul Bait. Setengah daripada

kemuliaan imam itu, mereka menyampaikan risalah Allah, takut pada Allah, berjuang di jalan Allah dan mereka tidak takut pada cercaan orang yang mencerca. Kalau para imam itu merawikan hadis yang sesuai dengan pendapat umum umat Islam atau beramal dengan amalan yang menyerupai amalan umat Islam maka orang Syiah akan kata, para imam telah melakukan takiyah. Seolah-olah imam mereka macam mereka juga. Mereka mencacatkan imam yang soleh. Kita pun hormati imam mereka. Dan imam mereka sebenarnya dari mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Takiyah orang Syiah ialah satu helah. Dan menjadi kegemaran orang Syiah melakukan helah-helah begini. Iaitu bila kita kata para imam juga beramal dan berkeyakinan seperti Ahli Sunnah Wal Jamaah nanti mereka jawab, sebenarnya imam-imam itu terpaksa berbuat begitu kerana muslihat tertentu. Mereka hanya bertakiyah. Sebenarnya mereka adalah Syiah. Contohnya, kalau kita tanya kenapa Sayidina Ali turut bai'ah dengan Sayidina Abu Bakar? Mereka menjawab, Sayidina Ali terpaksa bai'ah kerana menjaga keamanan. Ertinya Sayidina Ali bertakiyah kerana hendak ambil hati umat. Dengan jawaban itu, lepaslah mereka dari tekanan kebenaran. Tapi mereka tidak lepas dari tuduhan penipu dan loyar buruk.

8.

**AYATULLAH
KHOMEINI**

BENARKAH Ayatullah Khomeini tokoh Islam dalam era kebangkitan Islam zaman ini? Khomeinikah Imamul' Muslimin (إمام المسلمين) yang dibangkitkan Allah untuk membawa keadilan dan keselamatan manusia sejagat?

Mari kita buka kitab Khomeini bertajuk Al Hukumatul Islamiah (الحكومة الإسلامية) (Kerajaan Islam). Kandungannya merupakan isi ceramah beliau yang menggerakkan detik-detik awal revolusi hingga membawa kepada kejayaannya. Buku ini diterbitkan di Iraq tahun 1970 dan di Beirut 1979. Apa kata beliau? Dalam baris pertama diperkenalkan kitab ini merupakan ajaran Syiah Ayatullah diusahakan oleh gerakan Islam Iran dengan diberi nama Kerajaan Islam. Sebahagian dari kandungannya di muka surat .52:-

1. Imam Syiah lebih afdal (أفضل) (utama) daripada malaikat, Rasul dan Nabi.
2. Imam-imam Syiah sebelum dijadikan alam ini adalah nur yang melingkung Arasy. Tempat mereka sangatlah tinggi. Allah saja yang tahu. Jibril berkata, "Kalau jari-jari

menghampirinya, nescaya terbakar.”

3. Imam adalah maqam terpuji, darjat tertinggi. Adalah khalifah yang dibentuk, semuanya mesti tunduk dan patuh di bawah kekuasaan sekalipun debu.

4. Siti Fatimah Zahrah juga dapat darjat seperti imam-imarn mereka.

5. Muka surat 141: Imam Syiah adalah maasum (عاصوم). Dan jawatan itu masih terpelihara untuk mereka kerana imam itu tidak lupa dan lalai dan mereka tahu hal masalah orang Islam.

6. Muka surat 42: Allah telah mewahyukan pada Rasulullah supaya menyampaikan maklumat siapakah yang menggantikan beliau jadi khalifah kelak. Seterusnya Rasul telah mengikut perintah ini dan melantik Ali jadi khalifah.

7. Muka surat 20: Kami beriktihad bahawa Rasulullah S.A.W melantik khalifah adalah perintah Allah. Imam Syiah telah ditetapkan dari dulu lagi, mereka alah memerintah negara. Malah malaikat juga tunduk padanya.

8. Muka surat 78: Hujjatullah (حجۃ اللہ) itu bermakna bahawa imam-imam itulah tempat rujuk manusia. Hujjatullah (حجۃ اللہ) ialah orang-orang yang telah ditentukan oleh Allah bagi menjalankan hal ehwal orang Islam.

9. Khomeini mentafsirkam ayat Al Quran: (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْذُوا الْأَمَانَاتَ عَلَىٰ أَهْلِهَا) bahawa Allah telah menyuruh mengembalikan amanah itu ialah mengembalikan perlantikan kepimpinan itu pada

Sayidina Ali dan keturunannya yang berikutnya. Siapa yang tidak terima pandangan Khomeini dianggap zalim.

10. Muka surat 46: Orang yang berhak menjadi khalifah selepas wafatnya Rasulullah S.A.W ialah imam yang diberi nama Ayatullah. (Ertinya tertolaklah Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Usman).

11. Muka surat 87: Mana-mana kerajaan yang tidak berpegang pada mazhab Syiah adalah kerajaan thaghut dan zalim. Beliau memetik kata-kata Sayidina Hussin r.a terhadap pemerintahan di zamannya. Sesiapa yang menyerah kepada mereka dalam perkara hak dan batil maka sebenarnya menyerah kepada pemerintahan thaghut. Dan Allah menyuruh kafirkan mereka.

Bahawa sesungguhnya imam melarang dari merujuk kepada pemerintahan yang zalim. Beliau berpendapat arahan ini hendaklah diteruskan hingga datang pemerintahan yang adil. Malah hingga imam-imam Syiah memegang jawatan kerajaan. Ertinya pemerintahan yang tidak ditadbir oleh Syiah dianggap tidak sah.

12. Muka surat 88: Khomeini mengulas hujah Imam As Saddiq: ‘Aku dijadikan pemerintah.’ Dengan katanya ulama Syiah sajalah yang wajib jadi pemerintah Islam. Mereka tidak patut memilih orang lain. Sekiranya memilih orang lain bererti memilih thaghut.

13. Dari kitab Al khomeini Wa Taf Dhilul A Immah ‘Ala1 Anbiya (﴿الْخَيْرِيٰ وَنَفْضِيلُ الْأَنْبَيِّ عَلَى الْأَنْبَيِّ﴾) oleh Abu Abdur Rahman bin Muhamad Malullah dipetiknya dari kitab Al Usulul Minal Kaafi (﴿الْأَصْوَدُ مِنَ الْكَافِ﴾) jilid 1 muka surat 261 dan 262, terdapat ucapan Khomeini

yang berbunyi begini:-

dari Saifittamar adalah kamu berada di sisi Abi Abdillah as, pada satu jamaah dari puak Syiah di Hijir, maka lantas dia berkata, adakah mata (spy) di kalangan kita? Kami pun melihat kiri dan kanan, tiada mata (spy), lantas menjawab, “tidak ada.” Maka dia pun berkata. Demi Tuhan Kaabah dan demi Tuhan bangunan ini (diulangnya sumpah ini tiga kali berturut-turut). Jikalau adalah aku di antara Nabi Musa dan Nabi Hidir nescaya aku akan memberitahu keduanya; sesungguhnya aku lebih mengetahui daripada keduanya. Dan sesungguhnya aku akan menceritakan pada keduanya apa yang tidak ada pada keduanya. Sesungguhnya Musa dan Hidir a.s keduanya hanya diberi ilmu yang telah berlaku. Dan mereka tidak akan mendapatinya hingga kiamat. Sedangkan kami mewarisi (ilmu tadi) daripada Rasulullah S.A.W.”

Khomeini menganggap imam mereka seolah-olah Tuhan (muka surat 52) yang mengetahui semua hal.

Di muka surat 141, disamakan imam itu seperti Nabi (maasum).

Di muka surat 52, Imam mereka lebih mulia dari malaikat, Nabi-Nabi dan Rasul.

Di muka surat 46 dan 78. Menolak kekhilafahan Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan Sayidina Usman.

Muka surat 87 dan 88. Menganggap sesiapa yang tidak ikut Syiah semuanya zalim dan thaghut. Dan di dalam Usulul kaafi Khomeini mengatakan imam mereka lebih alim daripada Nabi Musa dan Nabi Hidir. Ada

kemungkinan pembaca tidak percaya semua ini. Memang hampir-hampir mustahil ada umat Islam yang meyimpang begitu sekali. Apalagi dia itu bergelar Ayatullah. Tapi demikianlah hakikatnya. Rasulullah S.A.W. beritahu penyelewengan ini. Dan kita kini menyaksikan benarnya kejadian itu.

Saya tikir tidak akan ada seorang pun umat Islam yang waras boleh menerima pendapat Khomeini di atas. Sejihil manapun kita, masakan boleh ditipu tentang adanya manusia yang boleh capai taraf ketuhanan, kemalaikatan atau sekurang-kurangnya tentang kenabian.

Dan kalau ada seorang yang beranggapan demikian, sembahyang sampai lebam dahi atau berkorban Wang setinggi bukit atau tawan dunia sekalipun, tidak bernilai apa-apa. Presiden Reagen atau Mao Tze Tung, lagi hebat pengorbanan dan jasanya pada dunia tapi tidak bererti apa-apa pada Islam, Allah tidak menilai jasa manusia yang derhaka dan berbohong tentang-Nya. Apabila aqidah rosak, syariat tidak berguna lagi. Kalau mati masuk neraka, kekal selama-lamanya. Tapi kalau aqidahnya sah, walaupun syariat tidak beres, dia dikira Islam dan kalau mati tidak kekal dalam Neraka.

Khomeini telah membohongi Allah, malaikat, Rasulullah, Khulafaur Rasyidin dan Imam Hussein serta Imam Siddiq. Orang begini, walaupun dapat menumbangkan Amerika dan Rusia, tentu tidak bererti apa-apa pada Islam. Apalagi kalau yang ditumbangkannya hanyalah Shah Iran, itu pun dengan bantuan puak Nasionalis, Kominis, Sosialis, apalah yang istimewanya, sampai sanggup kita tukar keyakinan kepada Syiah?

Sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah kita patut bangga, kerana selama ini nama saja Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi tidak tahu apa itu Ahli Sunnah Wal Jamaah, sebab itu bila Syiah datang, jual nama Islam mudah-mudah sahaja kita serah jiwa raga. Begitulah nasib bangsa yang tidak ada pegangan. Mudah d i t i u p angin, mudah diperkotak-katikkan dan mudah diumpam. Sekejap ke bat-at, sekejap ke timur dan boleh ke mana-mana saja lagi ikut arah angin.

Mudah-mudahan dengan kejadian ini, kita sedar kesilapan dan kelemahan kita selama ini. Kita belajar atau ajarkan tentang aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita faham, yakin, amalkan dan perjuangkannya. Jangan kita biarkan orang kita masuk perangkap orang lain.



Kelihatan kubur pejuang revolusi yang mati ketika tercetusnya revolusi. Di setiap kubur diletakkan gambar si mati dan juga gambar Ayatullah Khomeini atau lain-lain ulama (Ayatullah).

9.
**BAHAYA REVOLUSI
IRAN**

KALAU bukan kerana revolusi Iran, mustahil rasa-nya ajaran Syiah Imamiah boleh masuk ke Malaysia. Sebab sebelum revolusi, Syiah sudah lama bertapak di Iran tapi tidak seorang pun umat Islam Malaysia pandang ke sana atas dasar tertarik dengan Syiah. Punca kenapa umat Islam jatuh hati dengan Syiah ialah sejak kejayaan Khomeini menumbangkan Shah Iran. Tegasnya sejak revolusi di Iran. Mula-mula Khomeini dan anak buahnya dikenali sebagai Islam, bukan Syiah. Kerana nama Islam itulah maka umat Islam di Malaysia naik semangat untut pro-Syiah. Lama bar-u kedengaran, rupanya Islam orang Iran ialah Syiah, bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Waktu mula-mula dengar khabar itu ramai yang tersentak. Bagi ulama-ulama yang sudah “study” tentang Syiah sebelum ini, tidak susahlah untuk tarik balik simpati pada Khomeini. Sebab mereka punya hujah yang cukup untuk berbuat begitu. Mereka tahu bahawa kecil saja revolusi itu pada Islam dibandingkan dengan besamya kesilapan Syiah pada Islam. Tapi bagi golongan bekas pengajian sekular, mula-mula mereka tertanya-tanya juga, apa beza Syiah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Memang

selama ini bukan saja tentang Syiah mereka tidak pemah belajar malah mazhab anutan yang diwarisi dari datuk nenek sendiri pun mereka tidak tahu.

Nama saja Ahli Sunnah Wal Jamaah tapi tidak faham apa itu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebab itu bila persoalan ini timbul, barulah mereka mula kaji. Yang setengahnya tanpa kaji lagi sudah buat keputusan. Kata mereka, “Syiah itu Islam juga. Apa salahnya kita sokong sesama Islam demi menentang penzaliman dan kemungkaran.”

Golongan lain pula berkata, perbezaan Syiah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah furu’iah, bukan aqidah. Kita patut bertolak ansur atas masalah-masalah furu’. Jangan kerana soal khilafiah kita berselisih. Dengar kata-kata itu, mereka pun tertarik dengan Syiah. Ada juga orang-orang yang sempat mengkaji. Hasil kajian yang begitu intensif melalui bahan-bahan propaganda Syiah yang cukup menarik langsung mereka menukar keyakinan kepada Syiah. Hasil kajian juga disyarahkan dan dengan mudah saja mereka dapat pengikut. Maklumlah pensyarah dan anak murid sama-sama tidak pemah belajar tentang Syiah.

Bila ada tok guru mengajar mudah sajalah anak-anak murid menerima. Cantik Syiah ini katanya. Lebih cantik daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Samalah cerita orang yang memakai emas. Dari kecil ibunya menyarungkan cincin emas. Tapi dia tidak pemah tahu (sebab tidak diberitahu) bahawa yang dipakainya adalah emas. Satu hari datang penjual yang menjual cincin-cincin besi bersadur emas. Memang berkilat-kilat juga, tentu lebih kilatannya dibandingkan dengan cincin emas yang sudah lama tidak digilap. Maka berkatalah orang tadi, cantik

cincin ini, lebih cantik daripada yang aku pakai selama ini. Maka dicampaknya cincin yang di tangan untuk diganti dengan cincin murah.

Begitulah nasib orang yang tidak berilmu. Keyakinannya pada sesuatu hanya secara emosi. Kalaupun berlikir, hanyalah dengan akal yang dipandukan oleh pengetahuan yang sedikit, tentu tidak luas skopnya. Kerana tertarik dengan slogan, launpan dan kejayaan lahir orang-orang Syiah terus jatuh hati. Terus buat kesimpulan dan bina keyakinan, hanya kerana Syiah kata mereka juga Islam. Dan kerana orang-orang Iran melaungkan:

لامشرقية ولا غربية جمهورية إسلامية

“Bukan timur dan barat tetapi adalah Jumhuriah Islamiah.

لامشيعية ولا سنية جمهورية إسلامية

“Bukan Syiah, bukan Sunnah. Jumhuriah Islamiah.”

Slogan ini dilaung di setiap penjuru dunia untuk mengumpam orang datang ke Iran. Maka berduyun-duyunlah orang datang ke Iran. Termasuk dari Malaysia. Di Iran macam-macam kekarutan yang mereka saksikan. Seorang pensyarah universiti sepulangnya dari Iran bercerita pada siswa-siswinya begini:

“Di Iran kalau kita sebut nama sahabat atau nama Siti Aisyah, cepat-cepat orang-orang Syiah menyahut dengan kalimah “Laknatullah ‘Alaih (لعنة الله عليه)”. Secepat orang berselawat bila dengar nama Nabi Muhammad S.A.W. Bila saya tanya kenapa melaknat mereka itu? Jawab orang Syiah mereka itu manusia biasa. Mereka boleh baik dan boleh jahat. Di zaman Rasulullah memang

mereka baik. Tapi tidak sesudah wafat baginda.”

Pensyarah itu pun mengulas, “Bila saya fikir-fikir, betul juga. Sebab itu saya rasa tak ada’alahnya Syiah.”

Mendengar ucapan pensyarahnya, siswa-siswi yang satu dewan pun termakan. Maka bertambahlah rasa simpati Syiah. Tidak rugilah mereka jemput ke Iran. Yang peliknya tu, pensyarah tadi bukan sebarang. Pensyarah Fakulti Pengajian Islam. Maknanya ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah asalnya. Dapat ditipu oleh Syiah tanpa guna sepotong ayat Al Quran. Dengan hujah akal pun sudah kalah.

Begitu rupa taraf ilmu dan keyakinan ulama kita. Patutnya kalau orang melaknat sahabat dan Siti Aisyah kita laknat balik mereka. Siapa mereka sampai tergamak melaknat isteri Nabi? Sejahat-jahat Siti Aisyah tidak pernah melaknat orang Islam. Mereka yang kononnya baik tapi melaknat orang kesayangan Rasulullah. Baik apa tu? Banyak hadis yang memuji sahabat dan Siti Aisyah. Al Quran sendiri ada membela wanita mulia ini. Orang-orang begini syurgalah yang layak buat mereka. Tiba-tiba Syiah kata ahli neraka? Dan kita pun percaya? Ini satu cerita lucu sebenarnya. Lucunya intelektual zaman moden ini.

Di Malaysia kini ramai pemuda-pemudi Islam yang sedar perlunya Islam itu diperjuangkan. Semangat juang berkorbar-kobar dan menyala-nyala dalam dada mereka. Dan kita bangga kerana inilah modal penting untuk kita bangunkan kembali Islam dalam era kebangkitannya kini. Tapi kita juga bimbang, kalau-kalau semangat yang meliar itu tidak dikawal untuk dihalakan ke tempat yang patut. Saya katakan begitu kerana memandangkan pemuda-

pemudi kita ini kebanyakan menerima Islam bukan atas dasar ilmu dan keyakinan (iman) yang dalam tapi adalah melalui semangat kesedaran yang ditanam melalui ceramah-ceramah pendek. Bila Islam ditanam melalui kempen-kempen, slogan, laungan dan semangat yang berapi-api, maka Islam yang masuk adalah panas. Untuk menyejuk dan mencantikannya patutlah mereka ini dihalakan kepada pengajian Islam terutamanya fardhu ain, dilatih ibadah, akhlak dan amalan-amalan yang memberikan keuntungan kepada masyarakat dunia dan akhirat.

Tapi sebaliknya muda-mudi itu digembar-gemburkan dengan apa yang berlaku di Iran. Konon di sana satu kelompok pejuang Islam telah berjaya menumbangkan pemerintahan yang tidak menjalankan udang-undang Islam. Dengan cara itu bangkitlah Islam di Iran, bertakhta dalam seluruh sistem hidup di sana, menjadi undang-undang yang didaulatkan di mana-mana. Mendengar khabar itu, semangat yang berkobar-kobar terus berapi-api. Mereka juga mahu cepat Islamkan Malaysia. Dan kaedah tercepat ialah seperti apa yang berlaku di Iran. Saya percaya dalam jiwa umat Islam Malaysia kini, sudah tumbuh kemauhan begitu dan kalau ini tidak dibendung, tidak mustahil akan lahir satu puak yang mahu menjadikan Malaysia seperti yang berlaku di Iran. Dan ini sebenarnya sesuatu yang lebih merugikan kita semua.

Islam dalam sejarah kebangkitan awalnya, bukan dipaksa melalui kuasa. Rasulullah sebelum menjadi ketua negara dan sesudahnya pun terus memperjuangkan Islam dengan lemah-lembut dan bijaksana, secara memberi ilmu dan keyakinan ke dalam hati dan fikiran manusia. Rasulullah tidak pernah merancang perang dan tidak

mengajak orang berperang. Apalagilah orang-orang itu yang masih mengucap dua kalimah syahadah dan sembahyang lima waktu. Kejihilanlah yang menjadikan mereka degil. Orang begitu buat apa diajak berperang. Bukankah lebih baik diajar berbincang dan diajarkan Islam?

Peperangan dibenarkan bila musuh meminta begitu. Waktu itu wajib bagi kita melawan walau tiada senjata di tangan. Kalau mati, mati syahid. Tapi kalau kita yang mulakan, dalam keadaan kita belum mengajarkan Islam pada seluruh manusia, pun dalam keadaan kita sendiri belum laksanakan Islam secara syumul, (sekolah sendiri pun tidak ada duit, di bank bertimbun-timbun) kita patut takut kalau yang mendorong kita bukannya rasa takut dan taat pada Allah. Sementelahan pula keinginan untuk mengalahkan lawan dan keinginan pada kuasa adalah fitrah biasa. Berapa ramai orang berbunuh-bunuhan hanya kerana gila kuasa, gila perempuan, gila harta dan lain-lain. Kalau begitu, yang sebaik-baiknya untuk kita sekarang ialah jangan bergaduh atau berperang dulu. Rasulullah ambil masa 13 tahun untuk menghadapi kaumnya. Maksudnya selama 13 tahun Rasulullah berbincang, berbahas, berdakwah, ziarah, berbaik-baik dan ulangi kaumnya untuk diajak bersama-sama. Rasulullah kenal betul wajah kaumnya. Hinggahal bila dia diperangi, kaumnya itu tahu bahawa mereka sedang berperang dengan orang-orang yang lebih baik dan lebih benar dari mereka.

Kita belum berbuat begitu. Sebab kita sendiri pun baru sedar. Kita baru bersyarah di pentas, belum pergi ke pintu rumah untuk tanya masalah mereka. Mana tahu entah-entah mereka itu baik orangnya. Cuma hidayah belum

datang. Ertinya kita kena doakan dulu untuk mereka. Hinggalah akhirnya mereka bangun untuk serang kita, waktu itu pucuk dicita ulam mendatang. Walau yang ada hanya batang-batang kayu wajib kita serah diri pada jihad fi sabillillah.


Hari ini Malaysia menampakkan keupayaan untuk jadi gelanggang kebangkitan Islam. Rakyat dari lapisan atas dan bawah telah mula memberi simpati pada Islam. Kalau ada pun puak penentang tapi tidak sampai menyekat amalan-amalan Islam kita, kecuali yang ada hubungan dengan negara. Kita masih boleh menerima sebagai ransangan untuk kita lebih giat berjuang. Revolusi bukan cara terbaik untuk mengisi kesempatan yang cantik ini. Revolusi waktu ini hanya akan menguntungkan musuh. Macam di Iran, hasil revolusi ialah berperang dengan saudara sendiri; Iraq. Dan akhirnya Iran beli senjata dari Amerika. Untuk apa tumbangkan Shah kalau hasilnya terpaksa minta tolong dengan Amerika yang lebih jahat dari Shah Iran.

Banyak peluang dan cara lain untuk menegakkan hukum Allah. Cara-cara yang tidak akan mengecilkan hati sesiapa atau menumbangkan sesiapa. Dan kalau ini dapat kita buat kita lebih bijak lagi. Bijak kerana dapat menawan musuh tanpa membunuhnya.

10. PENUTUP

SETELAH selesai kajian kita tentang Syiah Imamiah menggunakan kitab-kitab rujukan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga kitab Syiah sendiri, maka fahamlah kita bahawa Syiah adalah satu mazhab yang menganut aqidah dan ibadah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Terjadi perbezaan yang besar dalam banyak perkara:

1. Syiah Imamiah menokok tambah Al Quran yang asal Jumhuru1 Muslimin (جماعة المسلمين) hingga bilangan ayat dan susunannya berubah sama sekali. Al Quran yang sebenarnya ada 6666 ayat.
2. Syiah Imamiah menolak banyak hadis sahih yang kebanyakannya diriwayatkan oleh sebahagian sahabat besar. Tapi memasukkan kata imam-imam mereka sebagai hadis. Sebab itu mereka ada kitab hadis mereka sendiri namanya Usulul Kafi (أصول الکافی) mengandungi 16000 hadis berbanding kitab hadis Bukhari yang mengandungi lebih kurang enam ribu hadis sahih.
3. Syiah Imamiah menganggap imam mereka maasum. Ucapan dan perbuatan mereka dikatakan hadis.



Gambar Imam Khomeini dan gambar para ulama Syiah dipasang merata-rata tempat termasuk di dalam masjid dan musalla.

4. Imam mereka lebih mulia daripada para malaikat, Rasul dan para Nabi.
5. Para Imam mereka juga dikatakan mendapat wahyu.
6. Syiah Imamiah menganggap tiga orang Khulafaur Rashidin yakni Abu Bakar, Umar, Usman itu fasik dan zalim, bahkan kafir. Malah setengah kitab-kitab mereka mengkafirkhan serta melaknat sahabat besar, kecuali beberapa orang sahaja.
7. Syiah Imamiah menganggap isteri-isteri Rasulullah terutama Sayidatina Aisyah, Sayidatina Habsah dan Sayidatina Zainab bukan Ahlul Bait (أهل البيت) malah dikafir serta dilaknatnya.
8. Syiah Imamiah menganggap kerajaan selain daripada zaman pemerintahan Rasulullah dan Sayidina Ali adalah kerajaan thaghut. Seterusnya Ahli Sunnah Wal Jamaah dianggap musuh mereka seperti orang kafir.
9. Syiah Imamiah menganggap di zaman tidak ada imam, maka yang layak memerintah hanya ulama Syiah. Ulama Ahli Sunnah tidak layak. Malah kata mereka kalau berada di bawah pimpinan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah (dan selain Syiah) tidak wajib diikuti dan turut berjuang bersama. Kerana kepimpinan mereka tidak sah.

Lain-lain keyakinan Syiah Imamiah.

10. Imam boleh memansuhkan hukum syariat.
11. Mereka menuduh Nabi berbohong.

12. Ulul Azmi meminta keuzuran daripada Allah.
13. Para Nabi tidak tahu usul aqidah kecuali sesudah jadi Nabi.
14. Perlantikan Rasul adalah wajib pada Allah.
15. Para Rasul ada yang hasad dengki seperti Nabi Adam.
16. Siapa yang tidak mengiktiraf imam mereka dianggap kafir.
17. Mereka menganggap Siti Fatimah mendapat wahyu, dan wahyu itu ditulis oleh Sayidina Ali menjadi Mushaf Fatimah (Al Quran Fatimah)
18. bnam-imam mereka lebih alim daripada para Nabi kecuali Rasulullah S.A.W.

Banyak perkara di atas adalah perkara yang berkait dengan aqidah. Sesiapa yang menganut fahaman itu bererti menganut satu aqidah yang jauh bezanya dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Saya bukan menghukumkan sesat atau kafir pada puak ini. Saya hanya memaparkan apa yang tertulis dalam kitab-kitab Ahli Sunnah wal Jamaah dan Syiah. Terpulang pada para pembaca untuk menentukan apakah “title” yang layak pada mereka.

Dalam perkara ibadah yakni hukum halal dan haram, terjadi juga perbezaan besar antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syiah. Antara yang paling menonjol ialah:

1. Menghalalkan nikah mut'ah (nikah kontrak).
2. Menghalalkan nikah dengan wanita Yahudi dan Nasrani.
3. Menganggap Nabi dan imam mereka melakukan takiyah setiap kali mereka itu melakukan amalan umum umat Islam (yang berbeza dari yang Syiah katakan).
4. Hanya menyapu air di kaki ketika wudhuk, tidak membasuh kaki.
5. Menganggap pemerintahan selain Rasulullah, Sayidina Ali dan Syiah adalah thaghut.
6. Menganggap tidak sah kepimpinan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
7. Tidak wajib taat kepada pemimpin selain Syiah.
8. Nikah mut'ah boleh dilakukan beberapa banyak perempuan.

Bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah, mengamal atau meyakinkan perkara-perkara di atas adalah termasuk perbuatan keji dan haram.

Demikianlah Syiah Imamiah menyimpang dari Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu bukan saja tentang perkara furu'iah (فروع) tapi adalah aqidah. Ini merupakan bahaya yang paling besar bagi orang Islam. Bila aqidah menyimpang dari kebenaran, ibadah lain walau sebanyak mana pun tidak bermilai. Tapi orang-orang Syiah di Iran pandai. Mereka sorokkan perkara ini dari Ahli Sunnah

Wal Jamaah. Yang mereka tonjol dan besar-besarkan ialah tentang revolusi yakni perjuangan mereka menumbangkan kezaliman Shah Iran. Mereka samakan usaha mereka itu dengan apa yang dibuat oleh Rasulullah terhadap Musyrikin Quraisy di Makkah dan Madinah. Ditanamkan dalam jiwa umat Islam kemahuan untuk melakukan revolusi seperti yang mereka lakukan. Maka ramailah pemuda-pemudi Islam yang termakan hingga sanggup menukar keyakinan pada Syiah dan bersedia untuk lakukan revolusi. Hal ini tidak boleh didiamkan. Revolusi boleh bawa bahaya pada ummah. Walhal Islam boleh diperjuangkan dengan bijaksana dan hikmah, yakni melalui dakwah dan usaha-usaha mendapatkan intelektual “commitment”

Melaksanakan Islam bukannya secara paksa dan emosional tapi adalah secara kesedaran, keinsafan dan keyakinan. Sedangkan kita belum mencuba kaedah ini. Kristian telah masuk ke setiap lorong dan ke setiap pintu rumah kita hari ini secara senyap tanpa kita sedar. Diam-diam mereka sudah ambil hati umat Islam di merata dunia. Itu adalah kerana agama bukan benda yang boleh diperebutkan melziui perperangan. Tapi ialah keyakinan yang boleh diberi melalui kefahaman dan ilmu. Sebab itu kalau betul ingin perjuangkan Islam maka revolusi bukanlah kaedah terbaik yang patut diutamakan kecuali kalau yang direbutkan ialah kerusi di Parlimen maka jalan tercepat barangkali melalui revolusi, tapi tentu tiada sangkut pautnya dengan perjuangan Islam.

Seperkara lagi yang mesti diambil perhatian ialah apa akan jadi kalau kita mahu ikut Syiah Imamiah. Oleh kerana terlalu jauh bezanya dengan Islam yang kita fahami dan amalkan hari ini, maka kalau kita mahu ikut Syiah

bererti kita kena jadi mualaf. Kena belajar Islam dari alif, ba, ta sekali lagi. Belajar tentang Tauhid dan Feqah dari awal-awal lagi. Belajar Al Quran dan hadis semula. Sebab semua itu berbeza dengan keyakinan asal kita.

Kalaularah ini terjadi, ada bahaya lain yang timbul. Mulalah umat Islam ditimpa ragu. Mana satu yang betul? Atau dua-dua tidak betul. Bagi orang awam yang kurang keyakinan dan sedikit ilmunya mungkin akan pilih keyakinan baru atau lebih mudah jadi “free-thinker”. Musuh Islam itu tentu bahagia kerana dapat modal baru untuk pecah-belah dan ragu-ragukan umat Islam. Alhasil bertambah kucar-kacirlah masyarakat Islam.

Kita berlindung dengan Allah daripada bahaya-bahaya yang boleh dibawa oleh Syiah Imamiah. Dengan buku ini mudah-mudahan menjadi satu sebab untuk selamatkan kita dari bahaya Syiah. Insya Allah.

KITAB-KITAB RU JUKAN

Kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah:

1. Maqalatul Islamiyyin Wakh Tilaful Musolliyyin oleh Abu Hassan Al Ashaari.

مقالات الاسلامیہ و اخلاف الصالیبین
اولے ابو حسن الاعسرا

2. Al Farqu Bainal Firaq oleh Abdul Qahir bin Thohir bin Muhammad Al Baghdadi Al Isfaroo ini At Tamimii.

الفرق بين الفرق
اولے عبدالغفار بن طاهر بن محمد البغدادی

3. Mukhtasar At Tuhaftul Isna Asyariah Oleh Shah Abdul Aziz Ghulam Hakimi Ad Dahlawi.

محضر الحجۃ الائٹنی عشرۃ
اولے، سناہ عبدالعزیز غلام حاکمی الدھلوی

4. Haya Tussahabah oleh Al 'Allamah As Syeikh Mohd Yusuf Al Kandah Lawi.

حياة الصحابة
أوله : العلامة الشيخ محمد يوسف الكندي طلوي

5. Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Kiyai Haji Sirajuddin Abbas.

اعتقاد أهل السنة والجماعة
أوله : سراج الدين عباس .

6. As Shiah Wat Tasyaiyu' oleh Ihsan Ilahi Zahir.

السبعين والتسعين
أوله إحسان الهندي ظاهر

7. Hakikatul Khilaf Baina Ulamak Shiah Wal Jumhurul Ulama il Muslimin oleh Ustaz Said Ismail.

حقيقة الخلاف بين علماء الشيعة وجمهور علماء
السلفية أوله أستاذ سعير اسماعيل

8. Asas Mazhab Syiah Imam 12 (Imamiah) oleh Syed Muhibbudin Al Khatib alihbahasa oleh Ustaz Haji Solehuddin Abdullah.

اساس مذهب شیعه

اوله سید حبی الدین الحظیب الیه بهاس: استاذ حاج
صلام الدین عبیر اللہ

9. As Syiah Wa Ahlul Bait oleh Ihsan Ilahi Zahir.

الشیعه و اهل البيت
اوله ایمسات الہی ظاهر

10. Madarikus Saalikin oleh Ibnu Qaiyyim.

مدارک السالکین اوله ابن فیض

11. Murujuz Zahab oleh Al Ma'sudi.

مروع الذهب اوله المسعودی

12. As Sowai iqul Muhriqah Firraddhi Ala Ahlil Bidai Wazan Dakati oleh Ibnu Hajar Al Haitami.

الصواعق المحرقة في الردع على أهل السبع والزنقة
أولئك : ابن حجر الرازي

13. Ittiha Fu Za Winna Jaabah Bi Ma Fil Qurani Wa Sunnah Min Faddhoil Sahabah oleh Mohd Al Arabi bin At Tubbani As Sathifi Al Maghribi.

اتحاف ذوى النجابة بما في القرآن والسنة من فضائل الصحابة
أولئك محمد المغربي بن التباني السطيفي .

14. Tarikhul Jadal oleh Mohd Abu Zahrah.

تاريخ الجدل **أولئك محمد أبو زهرة**

15. Al Khomeini Wa Tafdhil A Immati A lai Anbiyai oleh Abu Abdul Rahman Mohamad Malullah.

الخطبى وتفضيل الانتماء على الانبياء
أولئك أبو عبد الرحمن محمد مال الله

16. Muqaddimah Ibnu Khaldun oleh Ibnu Khaldun.

سقراة ابن خلدونه اوله : ابن خلدونه

17. Al Wasyi'ah Fi Naqdi Aqidah Syiah oleh Musa Jarullah.

الوسیعہ فی نقد عقائد الشیعہ
اوله : موسی جار الله

Kitab-Kitab Syiah:

1. Usulul Kafi oleh Al Kullini (Juz 1).

أصول الكافي اوله : الكليني (ج1)

2. Al Hukumatul Islamiah oleh Khomeini.

الحكومة الإسلامية اوله : خميني

3. Man La Yah Dhuruhul Faqih oleh Abu Jaafar As Soduq bin Muhammad bin Ali bin Al Hussin bin Babawa'ih Al Qomi.

من لا يحضره الفقيه اوله : ابو بعفر الصدوق
بن محمد بن علي بن الحسين بما ورثه الغي

4. Annas Wal Ijtihad Al Imam Abdul Husin Sarafuddin Al Mausawi.

النص والاشبه بآد
اوله : الأمام عبد الحسين سرف الدين الموسوي

5. Yanabiul Ma Waddah Al Hafiz Sulaiman bin Ibrahim Al Kundusi.

تابع المودة
اوله : المحفظ سليمان بن ابراهيم الكندوسي

6. Al Hayah 1 & 2 oleh Muhammad Redho Al Hakim, Muhammad Hakimi dan Ali Hakimi.

الميراث ٢ & ١
اوله : محمد حنا الحكيم ، محمد حكيمي دان علي حكيمي

7. Tahzibul Ahkam oleh Abu Jaafar Muhammad bin Al Hassan At Tusi.

السبعة من السلف

أوله: السير مرثني الحسيني البزدي الفروزان آبادی

8. Assab'atu Minassalaf oleh Syed Murtadha Al Hussin Al Yazdi al Fairuzzabadi

مرهف رسالات الأحكام

أوله: ابو جعفر محمد بن الحسن الطوسي

9. Aslus As Syiah wa Usuluha oleh Syeikh Muhammad Hussin Ali Kasyif Al Ghitho'i.

أصل السنة وأصولها

أوله: شيخ محمد حسين آل كاسن الغظا

10. Usulul Kaafi oleh Al Kullini (Juz 2).

أصول الكافي جلد ٢ أوله: الكليني

REVOLUSI IRAN dan Syiah Imamiah sekaligus membawa berbagai bahaya kepada kebangkitan Islam di Malaysia. Pemuda-pemudi yang menerima Islam melalui slogan dan laungan (semangat), bukannya dengan ilmu dan keyakinan telah menerima revolusi sebagai kaedah tercepat memperjuangkan Islam. Dan ini mungkin di "apply" di sini. Ini bahaya pertama. Kemudian menganggap Syiah Imamiah itu sederhana dan boleh diikuti, adalah bahaya kedua. Sebab Syiah Imamiah sebenarnya terlalu menyimpang dari keyakinan Ahli Sunnah Wal Jamaah, samada dalam masalah aqidah mahupun furu'iah. Mengikut Syiah, ini bermakna memilih satu keyakinan dan ibadah baru dan menyeleweng dari ajaran Islam.

Seterusnya kalau lah pengaruh Khomeini ini dibenarkan terus di Malaysia, nanti umat Islam akan ragu-ragu, mana satu yang benar, Syiah atau Sunnah? Mungkin kalau ada yang rasa tersepit lantas memilih hidup secara "free-thinker". Dan peluang keemasan ini tentu tidak dibenarkan oleh musuh Islam ianya berlalu begitu saja. Walhal mereka tidak pernah rehat untuk menumbangkan kita.

Untuk selamat dari bahaya itu mudah-mudahan buku ini dapat menunjuki caranya pada anda!



Penerbitan Shoutul Arqam